

Rujukan: UNIMAS/PEND/01-104 Jilid 5 (51)



UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)

**PEKELILING PENTADBIRAN
BILANGAN 6 TAHUN 2026**

Pejabat Pendaftar
Tarikh: **2 April 2026**

PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 6 TAHUN 2026

Pindaan Polisi Latihan dan Pembangunan Bakat UNIMAS

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua staf mengenai pindaan pada Polisi Latihan dan Pembangunan Bakat UNIMAS serta Pelaksanaan Sistem Pengumpulan Mata CPD UNIMAS yang dikeluarkan melalui Pekeliling Pentadbiran Bilangan 1 Tahun 2023 bertarikh 27 Mac 2023.
2. Mesyuarat Jawatankuasa Latihan UNIMAS Bil. 04/2025 ke-71 bertarikh 20 Oktober 2025 telah meluluskan semakan semula Polisi Latihan dan Pembangunan Bakat UNIMAS edisi 3 seterusnya pindaan tersebut telah dimaklumkan dan diluluskan di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Sumber Manusia Bil. 01/2026 ke-80 bertarikh 2 Februari 2026. Polisi ini mengandungi tiga (3) kandungan utama seperti butiran berikut:
 - a. Polisi Latihan dan Pembangunan Bakat UNIMAS;
 - b. Lampiran 1: Struktur Latihan Staf UNIMAS; dan
 - c. Pelaksanaan Sistem Pengumpulan Mata CPD UNIMAS.
3. Polisi Latihan dan Pembangunan Bakat UNIMAS edisi 3 yang terkini boleh dirujuk pada lampiran yang disertakan. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2026** dan Pekeliling Pentadbiran Bilangan 1 Tahun 2023 bertarikh 27 Mac 2023 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



Haji Azlan bin Ramli

Pendaftar

Universiti Malaysia Sarawak

POLISI LATIHAN DAN PEMBANGUNAN BAKAT



UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	PENGENALAN	1
2.	TAKRIFAN	2
3.	OBJEKTIF DASAR LATIHAN SUMBER MANUSIA	4
4.	PEMBANGUNAN KOMPETENSI UNIMAS	4
5.	STRUKTUR LATIHAN	7
6.	PRINSIP DAN PELAKSANAAN MATA CPD	10
7.	PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB	10
8.	JAWATANKUASA LATIHAN UNIMAS	12

POLISI LATIHAN DAN PEMBANGUNAN BAKAT UNIMAS

1. PENGENALAN

- 1.1. Dasar Pembangunan Bakat Perkhidmatan Awam Versi 1.0 (2024) telah diperkenalkan sebagai inisiatif penting bagi memastikan kecemerlangan berterusan perkhidmatan awam. Pembangunan bakat dilihat sebagai tonggak utama dalam meningkatkan prestasi, memperkukuh kecekapan serta menjamin kesinambungan kepimpinan. Melalui kerangka pembangunan bakat yang menyeluruh dan berasaskan prestasi, kompetensi pegawai dapat diperkasa mengikut keperluan jawatan yang disandang. Pada masa yang sama, pegawai berpotensi dapat dikenal pasti dan dibangunkan agar mampu memperluas pengetahuan serta meningkatkan kemahiran. Usaha ini bukan sahaja mengukuhkan daya saing organisasi, malah memastikan perkhidmatan awam sentiasa bersedia mendepani cabaran masa hadapan serta memenuhi ekspektasi pemegang taruh yang semakin dinamik.
- 1.2. Sejalan dengan agenda strategik negara, universiti perlu menyediakan peluang dan menggalakkan penglibatan staf di dalam program latihan dan pembangunan bakat, serta pembangunan profesionalisme berterusan dalam meningkatkan kompetensi staf untuk menghasilkan prestasi kerja yang terbaik dan berada di tahap yang optimum.
- 1.3. Tanggungjawab dan komitmen untuk penglibatan staf di dalam program latihan dan pembangunan bakat, dan pembangunan profesionalisme berterusan adalah di kongsi bersama dengan staf, penyelia/pengurus/ketua pusat tanggungjawab, dan universiti.
- 1.4. Aspirasi universiti melalui penyediaan program latihan dan pembangunan bakat yang berkualiti dan berimpak kepada staf, adalah untuk melahirkan kecemerlangan bakat dalam menyokong visi, misi dan inisiatif-inisiatif strategik universiti.

2. TAKRIFAN

- 2.1. Staf dan Penyelia/ Pengurus/ Ketua Pusat Tanggungjawab
 - 2.1.1. "Universiti" ertinya Universiti Malaysia Sarawak;
 - 2.1.2. "PTj" ertinya Pusat Tanggungjawab di UNIMAS yang terdiri daripada Fakulti, Pusat, Institut dan Bahagian;
 - 2.1.3. "Staf" adalah merujuk kepada staf tetap, staf kontrak dan pinjaman, merangkumi staf akademik dan bukan akademik.
 - 2.1.4. "Penyelia/pengurus" adalah merujuk kepada staf yang di pertanggungjawabkan untuk melaksanakan penyeliaan, menyokong dan menyediakan peluang untuk staf yang diselia, untuk terlibat di dalam program latihan dan pembangunan bakat, dan program pembangunan profesionalisme berterusan ke arah peningkatan kompetensi staf dan prestasi kerja.
 - 2.1.5. "Ketua Pusat Tanggungjawab" adalah merujuk kepada staf yang di pertanggungjawabkan untuk melaksanakan penyeliaan, menyokong dan menyediakan peluang dan memberi kelulusan untuk staf di pusat tanggungjawab untuk terlibat di dalam program latihan dan pembangunan bakat, dan program pembangunan profesionalisme berterusan ke arah peningkatan kompetensi staf dan prestasi kerja.
- 2.2. "Komuniti akademik" merujuk kepada takrifan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi) adalah terdiri daripada pendidik, penyelidik, pemimpin institusi, pengamal professional dan sokongan akademik.
- 2.3. "Latihan" merujuk kepada salah satu proses dalam pembangunan bakat staf yang berfokuskan kepada pemindahan ilmu dan kemahiran secara berstruktur dan mengikut peringkat-peringkat latihan yang bersesuaian dalam membuat penutupan jurang kompetensi yang wujud pada staf.
- 2.4. "Pembangunan Professionalisme Berterusan" atau CPD adalah inisiatif berfokuskan kepada peningkatan kualiti dan bakat staf dan memperkasa profesion, melalui program-program yang disediakan untuk membangun, mengembang dan membuat pemantapan pembangunan profesionalisme yang sedia ada dan mentransformasi amalan profesionalisme staf untuk terus berdaya saing dan kompeten.

- 2.5. Takrifan-takrifan di bawah yang digunapakai di dalam Dasar Pembangunan Bakat Perkhidmatan Awam Versi 1.0 (2024) menjadi rujukan.
- 2.5.1. **“Bakat”** ertinya setiap pegawai dalam perkhidmatan awam yang mempunyai keupayaan dari segi kemahiran, pengetahuan, pengalaman, sahsiah, watak dan dorongan untuk memberi impak kepada organisasi;
 - 2.5.2. **“Bakat berpotensi”** ertinya pegawai yang menunjukkan prestasi cemerlang dan kompeten serta berkemampuan untuk melaksanakan sesuatu tugas dan tanggungjawab di gred jawatan yang lebih tinggi berasaskan kepada bakat dan kompetensi yang dimiliki;
 - 2.5.3. **“Bakat kompeten”** ertinya pegawai yang memiliki dan mengaplikasikan set kompetensi generik dan kompetensi fungsian yang diperlukan secara berkesan dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab;
 - 2.5.4. **“Kursus jangka panjang”** ialah kursus sepenuh masa yang tempohnya melebihi dua belas bulan kalendar termasuk hari kelepasan mingguan, kelepasan am dan cuti akademik;
 - 2.5.5. **“Kursus jangka pendek”** ialah kursus sepenuh masa termasuklah lawatan sambil belajar, seminar atau bengkel yang tempohnya tidak melebihi tiga bulan kalendar termasuk hari kelepasan mingguan, kelepasan am dan cuti akademik;
 - 2.5.6. **“Kompetensi generik”** ertinya pengetahuan, kemahiran, tatakelakuan dan nilai peribadi yang perlu dimiliki oleh setiap pegawai tanpa mengira gred jawatan dan organisasi pegawai berkenaan;
 - 2.5.7. **“Kompetensi fungsian”** ertinya set pengetahuan, kemahiran dan/ atau tingkah laku yang perlu dimiliki oleh pegawai untuk menyempurnakan tugas di sesuatu jawatan dengan jayanya;
 - 2.5.8. **“Pembangunan kompetensi”** ertinya pendekatan yang dirancang dan dilaksanakan secara berterusan dan sistematik bagi meningkatkan kompetensi pegawai dan melahirkan bakat kompeten;

2.5.9. “**Pembelajaran sepanjang hayat**” ialah pembelajaran oleh mereka yang berumur 15 hingga 64 tahun ke atas kecuali pelajar profesional. Pembelajaran Sepanjang Hayat di Malaysia yang melibatkan kategori formal, bukan formal dan tidak formal adalah bagi mendorong pembangunan pengetahuan dan kecekapan rakyat Malaysia seiring usaha negara dalam membina masyarakat berilmu, peribelajar, maju dan berdaya saing.

3. OBJEKTIF DASAR PEMBANGUNAN BAKAT PERKHIDMATAN AWAM

3.1. Dasar Pembangunan Bakat Perkhidmatan Awam Versi 1.0 (2024) ini diperkenalkan bagi mencapai objektif-objektif seperti berikut:

- i. membangunkan pegawai yang kompeten dan berprestasi tinggi selaras dengan keperluan strategik semasa dan masa hadapan perkhidmatan awam;
- ii. memperkasa peranan ketua perkhidmatan dan ketua jabatan dalam membangunkan bakat, meningkatkan kompetensi pegawai dan mengukuhkan keupayaan organisasi;
- iii. menyediakan hala tuju pembangunan kerjaya secara progresif;
- iv. memperkasakan mekanisme penilaian potensi dan pelaksanaan pelan penggantian; dan
- v. mengukuhkan budaya nilai dan etika dalam pembangunan bakat.

4. PEMBANGUNAN BAKAT & KOMPETENSI UNIMAS

4.1. Menerusi pelaksanaan SSPA yang berasaskan Panduan Pembangunan Kompetensi Perkhidmatan Awam (MyKompetensi), penekanan diberikan kepada pembangunan modal insan serta pembudayaan nilai sebagai usaha memperkukuh kecekapan perkhidmatan awam yang berwibawa dan berorientasikan hasil. Setiap pegawai perlu dilengkapi dengan kompetensi yang relevan, bukan sahaja bagi melaksanakan tanggungjawab semasa, tetapi juga untuk memenuhi tuntutan kepimpinan masa hadapan serta memastikan kesiapsiagaan menghadapi cabaran yang mendatang. Terdapat dua (2) komponen utama yang membentuk kompetensi perjawatan yang perlu dibangunkan bagi setiap pegawai iaitu kompetensi generik dan kompetensi fungsian.

- i. **Kompetensi Generik** - Kompetensi generik dinilai berdasarkan keupayaan pemikiran (Think), kepimpinan (Lead), komunikasi (Speak) dan tindakan (Act) atau singkatannya TLSA.
- ii. **Kompetensi Fungsian** - Kompetensi fungsian dinilai melalui tahap kecekapan yang ditentukan berdasarkan aspek kompleksiti, tanggungjawab dan autonomi.

Pembangunan kompetensi pegawai dilaksanakan melalui Model Pendekatan 3P iaitu Pendidikan, Pendedahan dan Pengalaman.

Pendekatan Pendidikan	Pembangunan kompetensi melalui pendekatan pendidikan merujuk kepada program pembangunan secara formal seperti menghadiri kursus, seminar, atau sebarang latihan berbentuk formal dan berstruktur.
Pendekatan Pendedahan	Pembangunan kompetensi berdasarkan pendekatan pendedahan menumpukan kepada aspek dalaman seperti kemahiran insaniah (soft skills), nilai dan integriti. Elemen-elemen ini dibangun dan dimantapkan melalui pendekatan antara lain seperti pementoran, bimbingan khusus (coaching), sistem sahabat (buddy system) dan sebagainya.
Pendekatan Pengalaman	Pendekatan pembelajaran berdasarkan pengalaman atau <i>on the job training</i> merujuk kepada pembangunan diri hasil daripada pengalaman pegawai di tempat kerja. Antara intervensi yang boleh dilaksanakan untuk tujuan ini adalah seperti penugasan semula, penugasan khas, pengalaman bertugas di pelbagai unit atau cawangan berlainan dan melaksanakan bidang tugas berbeza seperti kewangan, pengurusan sumber manusia dan lain-lain.

- 4.2. “University Transformation Programme (UniTP) Orange Book – Strengthening Academic Career Pathways and Leadership Development” dari Kementerian Pendidikan Tinggi telah menggariskan tujuh elemen penting yang perlu diwujudkan untuk menghasilkan ekosistem bakat yang memupuk kecemerlangan, iaitu: *identify and attract; nurture; support; equitable workload distribution; diversity & inclusivity; career advancement and succession planning*.
- 4.3. Kerangka Pembangunan Bakat dan Kompetensi Universiti Malaysia Sarawak adalah seperti Rajah 1 berikut:



KERANGKA PEMBANGUNAN BAKAT & KOMPETENSI UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Visi Universiti

Universiti global peneraju kelestarian masa hadapan.

Misi Universiti

Untuk meningkatkan impak sosial dan ekonomi komuniti global melalui kecemerlangan dalam pengajaran, penyelidikan dan penglibatan strategik.

Matlamat

Kecemerlangan Bakat (*Talent Excellence*)

Objektif Pembangunan Kompetensi & Bakat

Mendukung dan memenuhi aspirasi Pelan Strategik UNIMAS menerusi Fokus Strategik yang berkuatkuasa.

Melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan kompeten melalui program latihan yang terancang.

Penyediaan kumpulan bakat berpotensi yang mencukupi berdasarkan berbilang kemahiran relevan bagi menyokong pelan penggantian universiti serta strategi kepimpinan masa hadapan.

Pendekatan Pembangunan Kompetensi

- Pendidikan (Pembelajaran formal)
- Pendedahan (Pembelajaran dari pihak lain)
- Pengalaman (Pembelajaran dari pengalaman)

Nilai Teras

TELADAN
(EXEMPLARY)

KESERAKANAN
(COLLEGIALITY)

INTEGRITI
(INTEGRITY)

CEKAL
(TENACITY)

EKUITI
(EQUITY)

Kategori Latihan

Pembangunan Kompetensi (Fungsian)

Pembangunan Kompetensi (Generik)

Pembangunan Kompetensi (Digital/ ICT/ Agenda Kelestarian)

Pembangunan Bakat & Kepimpinan

5. STRUKTUR LATIHAN

5.1. Enam peringkat pembangunan kompetensi meliputi semua skim dan klasifikasi perkhidmatan adalah seperti **Jadual 1**:

Jadual 1: Peringkat Pembangunan Kompetensi berdasarkan Tempoh Perkhidmatan Staf Akademik & Pentadbiran

Peringkat	Tempoh Perkhidmatan (lantikan/ pertukaran/ kenaikan pangkat dan lain-lain)
Kompetensi Wajib	Lantikan Baharu Staf
Pendedahan Kompetensi	Tahun 1 perkhidmatan
Penerapan Kompetensi	Bermula tahun 1 hingga 3 perkhidmatan
Pembangunan Kompetensi	
Peningkatan Kompetensi	
Pengukuhan Kompetensi	Bermula tahun 3 dan ke atas perkhidmatan

a. Kompetensi Wajib (Lantikan Baharu Staf Akademik & Pentadbiran)

Program Perkhidmatan	
-	Penghayatan Visi & Misi UNIMAS / program setara
-	Program Orientasi Modul 0 / program setara
-	Program Transformasi Minda (PTM)

b. Pendedahan Kompetensi

Peringkat ini bertujuan untuk memberi pengenalan dan pendedahan kompetensi yang perlu dimiliki pegawai apabila ditempatkan di sesuatu jawatan yang baharu sama ada melalui lantikan/ pertukaran/ kenaikan pangkat dan lain-lain. Pendedahan kompetensi boleh diberikan kepada pegawai yang memiliki kompetensi generik pada tahap rendah atau kompetensi fungsian pada tahap terhad untuk ke tahap yang ditetapkan.

Program Pembangunan Bakat / Kompetensi	
•	Program Pembangunan Kompetensi (Fungsian)
•	Program Pembangunan Kompetensi (Generik)
•	Program Pembangunan Kompetensi (Digital & ICT/ Agenda Kelestarian)

c. Penerapan Kompetensi

Peringkat ini bertujuan agar pegawai diterapkan dengan pemahaman dan penguasaan asas kompetensi yang perlu dimiliki bagi jawatan yang disandang. Penerapan kompetensi boleh diberikan kepada pegawai yang memiliki kompetensi generik pada tahap sederhana rendah atau kompetensi fungsian pada tahap asas untuk ke tahap yang ditetapkan.

Program Pembangunan Kompetensi Fungsian / Generik/ Digital & ICT/ Agenda Kelestarian

Program latihan berkaitan yang dianjurkan di dalam UNIMAS atau di luar UNIMAS.

- Fokus program pembangunan kompetensi kepimpinan.

Program Pembangunan Bakat Kepimpinan

- Program Kepimpinan Dalaman Universiti
- AKEPT Leadership Programme/ program setara

d. Pembangunan Kompetensi

Peringkat ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan pegawai memahami, merancang dan menganalisis tugas menepati *standard* yang diperlukan. Di samping itu, peringkat ini juga bertujuan untuk meningkatkan kemahiran sedia ada dan membangunkan kemahiran baru bagi meningkatkan kompetensi pegawai. Pembangunan kompetensi boleh diberikan kepada pegawai yang memiliki kompetensi generik pada tahap sederhana atau kompetensi fungsian pada tahap cekap untuk ke tahap yang ditetapkan.

Program Pembangunan Kompetensi Fungsian / Generik/ Digital & ICT/ Agenda Kelestarian

Program latihan berkaitan yang dianjurkan di dalam UNIMAS atau di luar UNIMAS.

- Fokus program pembangunan kompetensi kepimpinan.

Program Pembangunan Bakat Kepimpinan

- Program Kepimpinan Dalaman Universiti
- AKEPT Leadership Programme/ program setara

e. Peningkatan Kompetensi

Peringkat ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan dan kebolehan profesional secara berterusan melalui penguasaan kemahiran lanjutan dan pemantapan amalan kerja bagi membolehkan pegawai bertindak dalam pelbagai situasi. Peningkatan kompetensi boleh diberikan kepada pegawai yang memiliki kompetensi generik pada tahap sederhana tinggi atau kompetensi fungsian pada tahap efektif untuk ke tahap yang seterusnya.

Program Pembangunan Kompetensi Fungsian / Generik/ Digital & ICT/ Agenda Kelestarian

Program latihan berkaitan yang dianjurkan di dalam UNIMAS atau di luar UNIMAS.

- Fokus program pembangunan kompetensi kepimpinan.

Program Pembangunan Bakat Kepimpinan

- Program Kepimpinan Dalam Universiti
- AKEPT Leadership Programme/ program setara

f. Pengukuhan Kompetensi

Peringkat ini bertujuan sebagai pengukuhan kompetensi kepimpinan, membuat keputusan, membimbing pembangunan dan prestasi pegawai di bawahnya serta mengurus pihak-pihak berkepentingan bagi pegawai yang memiliki kompetensi generik pada tahap tinggi atau kompetensi fungsian pada tahap pakar.

Program Pembangunan Kompetensi Fungsian / Generik/ Digital & ICT/ Agenda Kelestarian

Program latihan berkaitan yang dianjurkan di dalam UNIMAS atau di luar UNIMAS.

- Fokus program pembangunan kompetensi kepimpinan.

Program Pembangunan Bakat Kepimpinan

- Program Kepimpinan Dalam Universiti
- AKEPT Leadership Programme/ program setara

5.2. Maklumat lengkap berkaitan struktur latihan universiti boleh dirujuk pada **Lampiran 1** melalui dokumen **Struktur Latihan Staf Universiti Malaysia Sarawak**.

6 PRINSIP DAN PELAKSANAAN MATA CPD

- 6.1. Dalam mewujudkan ekosistem yang dihasratkan untuk menghasilkan bakat cemerlang dan modal insan berkualiti, universiti melaksanakan sistem pengumpulan mata CPD.
- 6.2. Rujuk dokumen **Pelaksanaan Sistem Pengumpulan Mata CPD** untuk UNIMAS.

7 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

7.1. Tanggungjawab Universiti

- (i) Universiti melalui PTj yang bertanggungjawab akan menyediakan kemudahan latihan dan melaksanakan program pembangunan bakat ke arah meningkatkan keupayaan dan kompetensi staf.
- (ii) Universiti juga melalui Jawatankuasa Latihan UNIMAS dan PTj yang bertanggungjawab perlu melaksanakan semakan kepada polisi dan tatacara pelaksanaan, yang mana polisi ini akan tertakluk kepada pindaan mengikut perubahan Undang-Undang Malaysia yang berkaitan seperti Perlembagaan Persekutuan 1957, Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 (Pindaan 2009 dan 2012), Perlembagaan Universiti Malaysia Sarawak 1998 (Pindaan 2010 dan 2012) atau dasar-dasar Kerajaan yang dipanjangkan melalui pekeliling-pekeliling, surat-surat pekeliling atau peraturan-peraturan yang berkuat-kuasa dari semasa ke semasa.

7.2. Tanggungjawab Ketua PTJ/ Penyelia /Penyelaras Latihan

- (i) Ketua PTj hendaklah memberi sokongan kepada program latihan dan pembangunan staf dengan menggalakkan penglibatan staf dalam program latihan dan pembangunan bakat melalui pendekatan berikut;
 - Merancang dan melaksanakan latihan yang berkualiti untuk staf;
 - Melantik Penyelaras Latihan di PTj (Pentadbiran/ Akademik) masing-masing;
 - Menguruskan agihan biayaan latihan dengan berkesan; dan
 - Memastikan setiap staf mendapat peluang untuk mengikuti latihan dan program pembangunan bakat yang disediakan oleh universiti.

- (ii) Ketua PTj melantik Penyelaras Latihan yang bertanggungjawab untuk:
 - Membantu Ketua PTj masing-masing dalam mengenalpasti keperluan latihan dan program pembangunan bakat, merancang dan memantau keberkesanan aktiviti dan program di peringkat PTJ;
 - Membantu Ketua PTj melaksanakan *Training Need Analysis (TNA)* dalam mengenalpasti jurang kompetensi (*competency gap*) untuk kumpulan staf di bawah penyelarasan/penyeliaan.
 - Mencalonkan staf yang bersesuaian berdasarkan syor Ketua PTj untuk mengikuti program latihan/pembangunan bakat yang dirancang bersesuaian dengan skop dan tugas hakiki staf;
 - Menyelia proses pelaporan keberkesanan program latihan/pembangunan bakat yang telah dihadiri oleh staf di PTJ masing-masing;
 - Menyalurkan data dan maklumat staf yang mengikuti latihan/pembangunan bakat yang berkaitan kepada PTj yang di pertanggungjawabkan oleh universiti; dan
 - Menggunakan sepenuhnya sistem pengrekodan yang di sediakan oleh universiti, dan mematuhi etika pengguna ICT, dan menjaga kerahsiaan dan keselamatan data dan maklumat.

7.3. **Tanggungjawab Individu**

- (i) Setiap staf bertanggungjawab untuk memastikan prestasi pencapaian CPD mencapai 42 mata setahun.
- (ii) Setiap staf bertanggungjawab untuk memberi komitmen sepenuhnya dalam penglibatan program latihan dan pembangunan bakat dan komited untuk mencapai kompetensi yang dihasratkan untuk menjadi staf yang kompeten.
- (iii) Setiap staf hendaklah melaksanakan pembangunan profesionalisme sendiri dan mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat untuk menyokong visi, misi dan agenda strategik universiti dan matlamat negara.

8 JAWATANKUASA LATIHAN UNIMAS

8.1 Jawatankuasa Latihan UNIMAS mempunyai bidang kuasa seperti berikut:

- i. Membincang dan menetapkan dasar latihan universiti;
- ii. Membincang dan meluluskan semakan ke atas Polisi Latihan dan Pembangunan Bakat UNIMAS sejajar dengan keperluan dan kehendak semasa mengikut arahan universiti;
- iii. Membincangkan dan meluluskan permohonan program latihan dan pembangunan bakat yang bersesuaian untuk meningkatkan kompetensi staf;
- iv. Membincang dan meluluskan agihan peruntukan untuk latihan dan program pembangunan bakat; dan
- v. Melaporkan kepada JKSM bagi kelulusan keputusan tertentu.

8.2 Jawatankuasa Latihan UNIMAS dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan di bawah keurusetiaan Pusat Kepimpinan UNIMAS.



UNIMAS
LEADERSHIP CENTRE

**Pusat Kepimpinan UNIMAS, Aras 3, Bangunan Canselori,
Jalan Datuk Mohd Musa,
94300, Kota Samarahan
Sarawak.**



STRUKTUR LATIHAN STAF



UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Pengenalan	1
2.	Struktur Latihan Umum bagi Pelbagai Skim dan Jawatan Staf Pentadbiran	3
3.	Struktur Latihan Umum bagi Pelbagai Skim dan Jawatan Staf Akademik	4
4.	Skim N	5
5.	Skim B (Pereka)	7
6.	Skim B (Bakat Dan Seni)	10
7.	Skim KP	13
8.	Skim Q	16
9.	Skim F	18
10.	Skim U (Jururawat)	23
11.	Skim UF (Pegawai Farmasi)	25
12.	Skim UD (Pegawai Perubatan)	26
13.	Skim U (Pegawai Cara Kerja Perubatan)	27
14.	Skim U (Pegawai Perubatan Fisioterapi)	28
15.	Skim U (Pegawai Kesihatan Persekitaran)	29
16.	Skim U Pelbagai	30
	- Jururawat	30
	- Penolong Pegawai Farmasi	30
	- Penolong Pegawai Perubatan	31
	- Juru X-Ray	31
	- Juruteknologi Makmal Perubatan	33
	- Jurupulih Cara Kerja Perubatan	33
	- Jurupulih Perubatan Fisioterapi	35
	- Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran	36
	- Pembantu Perawatan Kesihatan/Juruteknik Perubatan	37
17.	Skim J	38
18.	Skim JA & H	39
19.	Skim G	41
20.	Skim C	43
21.	Skim W (Audit)	46
22.	Skim W (Kewangan)	48
23.	Skim S (Sukan)	50
24.	Skim S (Hal Ehwal Islam)	52
25.	Skim S (Pustakawan)	54
26.	Skim S (Psikologi)	56
27.	Skim S (Sosial)	58
28.	Skim L (Perkhidmatan Perundangan)	60
29.	Staf Akademik (Skim DS, DU, DG, dan DH)	66

STRUKTUR LATIHAN UNIMAS

Pengenalan

Struktur Latihan Staf UNIMAS merupakan inisiatif yang dilaksanakan UNIMAS dalam menyediakan keperluan staf universiti melalui penyertaan kursus-kursus tertentu untuk memperoleh pengetahuan, kemahiran, atau pengalaman yang diperlukan bagi pembentukan sahsiah dan kompetensi berkaitan serta peningkatan produktiviti dalam melaksanakan tugas harian. Pelaksanaan ini juga meliputi jenis kursus kompetensi fungsian, kompetensi generik, kompetensi digital/ ICT/ agenda kelestarian dan kepimpinan dalam persediaan pengwujudan bakat-bakat baharu staf universiti yang seterusnya akan mendukung ke arah kelancaran pelaksanaan pelan penggantian UNIMAS. Staf universiti yang kompeten akan membantu dalam membentuk budaya korporat dengan menekankan nilai-nilai teras universiti, dan etika kerja yang optimum bagi menghadapi dan beradaptasi dengan perubahan persekitaran yang semakin pesat.

Peringkat Pembangunan Kompetensi berdasarkan Tempoh Perkhidmatan Staf Akademik & Pentadbiran

Peringkat	Tempoh Perkhidmatan (lantikan/ pertukaran/ kenaikan pangkat dan lain-lain)
Kompetensi Wajib	Lantikan Baharu Staf
Pendedahan Kompetensi	Tahun 1 perkhidmatan
Penerapan Kompetensi	Bermula tahun 1 hingga 3 perkhidmatan
Pembangunan Kompetensi	
Peningkatan Kompetensi	
Pengukuhan Kompetensi	Bermula tahun 3 dan ke atas perkhidmatan

Pecahan Pengumpulan Mata CPD Umum berdasarkan Kompetensi Fungsian, Generik, dan Digital & ICT/ Agenda Kelestarian.

	42 Mata CPD Setahun	
	Fungsian & Generik	Digital / ICT/ Agenda Kelestarian
Staf Universiti	Minimum 36 mata	Minimum 6 mata

Menerusi pelaksanaan SSPA yang berasaskan Panduan Pembangunan Kompetensi Perkhidmatan Awam (MyKompetensi), penekanan diberikan kepada pembangunan modal insan serta pembudayaan nilai sebagai usaha memperkukuh kecekapan perkhidmatan awam yang berwibawa dan berorientasikan hasil. Setiap pegawai perlu dilengkapi dengan kompetensi yang relevan, bukan sahaja bagi melaksanakan tanggungjawab semasa, tetapi juga untuk memenuhi tuntutan kepimpinan masa hadapan serta memastikan kesiapsiagaan menghadapi cabaran yang mendatang. Terdapat dua (2) komponen utama yang membentuk kompetensi perjawatan yang perlu dibangunkan bagi setiap pegawai iaitu kompetensi generik dan kompetensi fungsian.

- i. **Kompetensi Generik** - Kompetensi generik dinilai berdasarkan keupayaan pemikiran (Think), kepimpinan (Lead), komunikasi (Speak) dan tindakan (Act) atau singkatannya TLISA.
- ii. **Kompetensi Fungsian** - Kompetensi fungsian dinilai melalui tahap kecekapan yang ditentukan berdasarkan aspek kompleksiti, tanggungjawab dan autonomi. penggunaan Model Pendekatan 3P iaitu Pendidikan, Pendedahan dan Pengalaman dalam program pembangunan kompetensi.

Pendekatan Pendidikan	Pembangunan kompetensi melalui pendekatan pendidikan merujuk kepada program pembangunan secara formal seperti menghadiri kursus, seminar, atau sebarang latihan berbentuk formal dan berstruktur.
Pendekatan Pendedahan	Pembangunan kompetensi berdasarkan pendekatan pendedahan menumpukan kepada aspek dalaman seperti kemahiran insaniah (soft skills), nilai dan integriti. Elemen-elemen ini dibangun dan dimantapkan melalui pendekatan antara lain seperti pementoran, bimbingan khusus (coaching), sistem sahabat (buddy system) dan sebagainya.
Pendekatan Pengalaman	Pendekatan pembelajaran berdasarkan pengalaman atau <i>on the job training</i> merujuk kepada pembangunan diri hasil daripada pengalaman pegawai di tempat kerja. Antara intervensi yang boleh dilaksanakan untuk tujuan ini adalah seperti penugasan semula, penugasan khas, pengalaman bertugas di pelbagai unit atau cawangan berlainan dan melaksanakan bidang tugas berbeza seperti kewangan, pengurusan sumber manusia dan lain-lain.

Struktur Latihan Umum bagi Pelbagai Skim dan Jawatan Staf Pentadbiran

Kumpulan Pelaksana		Pengurusan & Profesional	
Gred Jawatan SSPA	Kursus/ Latihan/ Program Wajib	Gred Jawatan SSPA	Kursus/ Latihan/ Program Wajib
Lantikan Baharu (Semua Gred Pelaksana)	<ul style="list-style-type: none"> Orientasi Modul O atau Program Penghayatan Visi & Misi UNIMAS/ setara; Program Transformasi Minda (PTM); dan 42 mata CPD bagi kursus/ latihan/ program bersifat kompetensi fungsian/ generik / Digital/ ICT/ Agenda Kelestarian. 	9	<ul style="list-style-type: none"> Program Penghayatan Visi & Misi UNIMAS/ setara; Program Transformasi Minda (PTM); dan 42 mata CPD bagi kursus/ latihan/ program bersifat kompetensi fungsian/ generik / Digital/ ICT/ Agenda Kelestarian.
Kumpulan 1 Pelaksana	42 mata CPD bagi kursus/ latihan/ program bersifat kompetensi fungsian/ generik / Digital/ ICT/ Agenda Kelestarian.	Gred 10 hingga 11	<ul style="list-style-type: none"> 42 mata CPD bagi kursus/ latihan/ program bersifat kompetensi fungsian/ generik / Digital/ ICT/ Agenda Kelestarian; TRIZ tahap 1/ Inovasi/ program setara; dan A-Star Tahap 1/ Kursus Kepimpinan Setara anjuran UNIMAS.
		12	<ul style="list-style-type: none"> 42 mata CPD bagi kursus/ latihan/ program bersifat kompetensi fungsian/ generik / Digital/ ICT/ Agenda Kelestarian; 1 program kompetensi fungsian atau kepimpinan anjuran AKEPT / program anjuran luar yang setara; dan A-Star Tahap 2/ Kursus Kepimpinan Setara anjuran UNIMAS.
Kumpulan 2 Pelaksana	<ul style="list-style-type: none"> 42 mata CPD bagi kursus/ latihan/ program bersifat kompetensi fungsian/ generik / Digital/ ICT/ Agenda Kelestarian. Kursus berbentuk kreativiti dan inovasi/ kursus setara; dan Program <i>Advancing Profesional Skills of Support Staff & Operational Strategy (ASPIRE)</i>/ Kursus Kepimpinan Setara anjuran UNIMAS. 	13	<ul style="list-style-type: none"> 42 mata CPD bagi kursus/ latihan/ program bersifat kompetensi fungsian/ generik / Digital/ ICT/ Agenda Kelestarian; 2 program kompetensi fungsian atau kepimpinan anjuran AKEPT / program anjuran luar yang setara; dan A-Star Tahap 3/ Kursus Kepimpinan Setara anjuran UNIMAS.
		14 & ke atas	<ul style="list-style-type: none"> 42 mata CPD bagi kursus/ latihan/ program bersifat kompetensi fungsian/ generik / Digital/ ICT/ Agenda Kelestarian; dan 2 program kompetensi fungsian atau kepimpinan anjuran AKEPT / program anjuran luar yang setara;

**Struktur Latihan Umum bagi Pelbagai Skim dan Jawatan Staf Akademik
(Skim DS, DU, DG, dan DH)**

Pengurusan & Profesional		
Gred Jawatan	Kursus/ Latihan/ Program Wajib	
Lantikan Baharu (Semua skim dan Gred Perjawatan)	<ul style="list-style-type: none"> • Bengkel Penghayatan Visi & Misi UNIMAS/ setara; • Program Transformasi Minda (PTM); • Latihan dalaman P&P Pendidikan Tinggi/ program setara; dan • 42 mata CPD bagi kursus/ latihan/ program bersifat kompetensi fungsian/ generik / Digital/ ICT/ Agenda Kelestarian. 	
Jawatan Pentadbiran	Penyelaras Program	<ul style="list-style-type: none"> • 42 mata CPD bagi kursus/ latihan/ program bersifat kompetensi fungsian/ generik / Digital/ ICT/ Agenda Kelestarian; dan • 1 program anjuran MQA / 1 Latihan Lembaga Program Profesional / program yang setara
	Ketua Jabatan/ Ketua Teras	<ul style="list-style-type: none"> • 42 mata CPD bagi kursus/ latihan/ program bersifat kompetensi fungsian/ generik / Digital/ ICT/ Agenda Kelestarian; • TRIZ tahap 1/ Inovasi/ program setara; dan • 1 program anjuran MQA / 1 Latihan Lembaga Program Profesional / program yang setara
	Timbalan Dekan/ Timbalan Pengarah	<ul style="list-style-type: none"> • 42 mata CPD bagi kursus/ latihan/ program bersifat kompetensi fungsian/ generik / Digital/ ICT/ Agenda Kelestarian; • 1 program kompetensi fungsian atau kepimpinan anjuran AKEPT / program anjuran luar yang setara; dan • A-Star Tahap 1/ Kursus Kepimpinan Setara anjuran UNIMAS.
	Dekan/Pengarah	<ul style="list-style-type: none"> • 42 mata CPD bagi kursus/ latihan/ program bersifat kompetensi fungsian/ generik / Digital/ ICT/ Agenda Kelestarian; • A-Star Tahap 2/ Kursus Kepimpinan Setara anjuran UNIMAS; dan • 2 program kompetensi fungsian atau kepimpinan anjuran AKEPT / program anjuran luar yang setara.
	Timbalan Naib Canselor	<ul style="list-style-type: none"> • 42 mata CPD bagi kursus/ latihan/ program bersifat kompetensi fungsian/ generik / Digital/ ICT/ Agenda Kelestarian; • A-Star Tahap 3/ Kursus Kepimpinan Setara anjuran UNIMAS; dan • 1 program kompetensi fungsian atau kepimpinan anjuran AKEPT / program anjuran luar yang setara.

Panduan Senarai Kursus/Latihan Fungsian Bagi Skim N

N9	N10/11	N12	N13	N14
Kursus Kompetensi Fungsian Wajib				
<p>Mana-mana kursus/ latihan fungsian merangkumi aspek Pentadbiran Sumber Manusia/ Pentadbiran Pejabat / Kewangan / Pentadbiran Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni/ Pengurusan Kualiti / Pentadbiran Akademik/ Pentadbiran Korporat.</p>				
Senarai Contoh Kursus Kompetensi Fungsian				
<ul style="list-style-type: none"> • Etika Integriti • Peraturan dan Prosedur Perkhidmatan Awam • Pengurusan Sumber Manusia • Pengurusan Prestasi • Pengurusan Pejabat (Pengurusan Mesyuarat, Penulisan Laporan, Kertas Kerja dan Minit Mesyuarat, Pengurusan Fail dan Rekod) • Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan • Pengurusan Aduan dan Maklumbalas Pelanggan • Pengurusan Dokumen Digital • Pengurusan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni • Pengurusan Perkhidmatan Akademik • Pengurusan Kewangan (Aset & Inventori, Bajet, Pembayaran, Perolehan) • Pemantapan Audit Dalam • Kemahiran ICT • Kemahiran Automasi Pejabat (Words/ Excel/ Powerpoint) • Penggunaan Aplikasi Produktiviti Digital (Google Workspace/ Microsoft365) • TRIZ tahap 1/ Inovasi/ program setara • Pensijilan MSISO dan ISMS • Pengenalan kepada Akta dan Peraturan Akademik • Protokol, Majlis Rasmi dan Etiket Sosial • Pengucapan Awam & Pengacaraan Majlis • Komunikasi Berkesan 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan Sumber Manusia • Kemahiran Perundingan • Pengurusan Kewangan dan Penjanaan • Pengurusan Krisis / Konflik • Kemahiran Komunikasi Strategik • Pemikiran Strategik • Kemahiran Perundingan • Global Partnership and Network Skills • Kepimpinan & Pentadbiran Lanjutan • dan Pencapaian KPI 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan Dasar dan Governan • <i>Critical Thinking</i> • Pengurusan Kewangan dan Penjanaan • Global Partnership and Network Skills 		

Panduan Senarai Kursus/Latihan Fungsian Bagi Skim N

N1 – N4	N5 – N8
Kursus Kompetensi Fungsian Wajib	
<p>Mana-mana kursus/ latihan fungsian merangkumi aspek Pentadbiran Sumber Manusia/ Pentadbiran Pejabat / Kewangan / Pentadbiran Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni/ Pengurusan Kualiti / Pentadbiran Akademik/ Pentadbiran Korporat.</p>	
Senarai Contoh Kursus Kompetensi Fungsian	
<ul style="list-style-type: none"> • Peraturan dan Prosedur Perkhidmatan Awam • Etika Integriti • Pengurusan Pelanggan • Penulisan Surat Rasmi • Pentadbiran & Pengurusan Pejabat • TRIZ tahap 1/ Inovasi/ program setara • Kemahiran ICT • Kemahiran Automasi Pejabat (Words/ Excel/ Powerpoint) • Pengurusan Dokumen Digital • Kerja Berpasukan • Pengurusan Fail dan Rekod • Memahami Keperluan Global • Asas Protokol dan Etiket Sosial • Asas Pengurusan Masa • Asas Pengurusan Kualiti • Asas Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan • Asas Kemahiran Komunikasi Global 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan Penilaian Prestasi • Kemahiran Komunikasi Berkesan • Pengurusan Pelanggan • Protokol, Majlis Rasmi dan Etiket Sosial • Pengurusan Acara • Pengurusan Pejabat (Pengurusan Mesyuarat, Penulisan Laporan, Kertas Kerja & Minit Mesyuarat, Pengurusan Fail & Rekod) • Pengurusan Kewangan (Aset & Inventori, Bajet, Pembayaran, Perolehan) • Pembuatan Keputusan • Pengurusan Kualiti (Risiko) • Kemahiran ICT • Kemahiran Automasi Pejabat (Words/ Excel/ Powerpoint)

Panduan Senarai Kursus/Latihan Fungsian Bagi Skim B (Pereka)

B9	B10/11	B12	B13	B14
Kursus Kompetensi Fungsian Wajib				
<p>Mana-mana kursus/ latihan fungsian merangkumi aspek Reka Bentuk/ Pentadbiran Pejabat / Kewangan / Pengurusan Kualiti / Pengurusan Rekaan/ Pembudayaan Idea Kreatif/ Penerbitan/ Hal Ehwal Korporat/ Penyediaan Bahan Grafik.</p>				
Senarai Contoh Kursus Kompetensi Fungsian				
<ul style="list-style-type: none"> • Reka Bentuk Grafik (<i>Advanced</i>) • Dekstop Publishing (<i>Advanced</i>) • Dekstop – Publishing, Words, Image Editing & Manipulation • Image Editing & Manipulation • Typhography (<i>Advanced</i>) • Creative Design Direction • Apresiasi Seni • Electronic Publishing (<i>Advanced</i>) • Perisian- (Adobe in Design/ Adobe Photoshop/ Adobe Illustrator/ Adobe After Effect/ Adobe Premiere/ Adobe Flash/ Adobe Acrobat Professional/ Adobe Cloud) • Pengendalian Kamera • Pengendalian Persembahan • Pengendalian Pameran • Teknologi Percetakan • Fotografi Kreatif • Kemahiran Komunikasi & Persembahan • <i>Design Concept (Advanced)</i> • Animasi Multimedia (<i>Advanced</i>) • Multimedia (Story Board) • Pengurusan Masa • Protokol, Majlis Rasmi dan Etiket Sosial • Pengucapan Awam & Pengacaraan Majlis • Pengurusan Kewangan (Aset & Inventori, Bajet, Pembayaran, Perolehan) • Komunikasi Berkesan 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan Kewangan dan Penjanaan • Pengurusan Krisis / Konflik • <i>Communication & Presentation Skill</i> • Pemikiran Strategik • Kemahiran Perundingan • Apresiasi Seni • Reka Bentuk Grafik (<i>Advanced</i>) • Perancangan & Pengurusan Projek • Konseptual & Hala Tuju Reka Bentuk • Reka Bentuk Grafik (<i>Advanced</i>) • Image Editing & Manipulation Graphic • <i>Typography (Advanced)</i> • Electronic Publishing • Publishing (<i>Advanced</i>) • Typography • Electronic Publishing • Product Design Analysis • Animasi Multimedia (<i>Advanced</i>) • Teknologi Percetakan • Asas Pemasaran • Penulisan Kreatif • Pembangunan & Pengurusan Jenama • Pengurusan Imej & Identiti • Pengendalian Pameran • Inovasi & Pemikiran Kreatif • <i>Art Direction</i> • Pengarang Cerita (Story Board) • Creative Thinking 		<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan Dasar dan Governan • <i>Critical Thinking</i> • Pengurusan Kewangan dan Penjanaan • Pengurusan Media Komersil • Pengarahan Kreatif • Penguatkuasaan Dasar & Polisi Imej Korporat • Kemahiran Perisian Grafik Multimedia/ Suntingan/ Animasi • Pengarahan & Penerbitan • Penganjuran Pengendalian Upacara • Nasional/Global • Wacana Ilmu (Bidang Kepakaran) • Sumbangan Sosial • Pengurusan Projek • Penerbitan Buku • Inovasi & Pemikiran Kreatif • Pengendalian Persembahan 	

<ul style="list-style-type: none">• Pengurusan Pejabat (Pengurusan Mesyuarat, Penulisan Laporan, Kertas Kerja dan Minit Mesyuarat, Pengurusan Fail dan Rekod)• Kemahiran ICT		
---	--	--

Panduan Senarai Kursus/Latihan Fungsian Bagi Skim B (Pereka)

B1 – B4	B5 – B8
Kursus Kompetensi Fungsian Wajib	
<p>Mana-mana kursus/ latihan fungsian merangkumi aspek Pentadbiran Sumber Manusia/ Pentadbiran Pejabat / Kewangan / Pengurusan Rekaan/ Pembudayaan Idea Kreatif/ Penerbitan/ Hal Ehwal Korporat/ Penyediaan Bahan Grafik</p>	
Senarai Contoh Kursus Kompetensi Fungsian	
<ul style="list-style-type: none"> • Seni Lukis (<i>Basic</i>) • Reka Bentuk Grafik (<i>Basic</i>) • Animasi Multimedia(<i>Basic</i>) • Penerbitan Elektronik (<i>Basic</i>) • Percetakan (<i>Basic</i>) • Fotografi (<i>Basic</i>) • Reka Letak (<i>Basic</i>) • Pengendalian Kamera • Asas Suntingan Video • Apresiasi Seni • Kemahiran mengendalikan peralatan komputer • Pengetahuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) • Kemahiran Automasi Pejabat (Words/ Excel/ Powerpoint) 	<ul style="list-style-type: none"> • Reka Bentuk Grafik (<i>Intermediate</i>) • Reka Letak (<i>Intermediate</i>) • Animasi Multimedia (<i>Intermediate</i>) • Penerbitan Elektronik (Digital) • Pengetahuan Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT) • Seni Lukis (<i>Intermediate</i>) • Teknologi Percetakan • Fotografi Kreatif • Suntingan Video (<i>Intermediate</i>) • Kemahiran Mengendalikan Peralatan Komputer • Pengendalian Kamera • Asas Pemasaran • Kemahiran Automasi Pejabat (Words/ Excel/ Powerpoint) • Pengurusan Pelanggan • Pengurusan Acara, Protokol, Majlis Rasmi dan Etiket Sosial • Pengurusan Kewangan (Aset & Inventori, Bajet, Pembayaran, Perolehan) • Pengurusan Kualiti (Risiko)

Panduan Senarai Kursus/Latihan Fungsian Bagi Skim B (Bakat Dan Seni)

B9	B10/11	B12	B13	B14
Kursus Kompetensi Fungsian Wajib				
<p>Mana-mana kursus/ latihan fungsian merangkumi aspek Reka Bentuk/ Pentadbiran Pejabat / Kewangan / Pengurusan Kualiti / Pengendalian Persembahan/ Keseniaan/ Kebudayaan/ Pengurusan Aset/ dan Perancangan Muzik.</p>				
Senarai Contoh Kursus Kompetensi Fungsian				
<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan Studio Rakaman & Produksi Video • Pengurusan Radio • Kursus Genre Muzik dan Lagu • Kursus Penerbitan Rancangan Radio/TV • Kursus Pengarahan Radio/TV • Kursus Kewartawanan Kreatif • Pengurusan Stesen Radio • Kursus Genre Muzik & Lagu • Kursus Suntingan Audio & Visual • Aprisiasi Seni • Pemikiran Kreatif dalam suntingan Audio • <i>Ensemble</i> Muzik • Kursus Conducting • Kursus Muzik Orchestration • Kursus Pedagogi Instrumental • Kemahiran Artistik (Konsep kesenian & Kebudayaan) • Pengetahuan Muzik • Konsep persembahan Muzik • Pengurusan Acara • Pengetahuan Kreatif Muzik/ Tari/ Teknikal /Lakon • Pengenalan Kesenian Malaysia • Asas Perancangan & Penyelarasan Kebudayaan • Asas Pengurusan Aset Kesenian • Pengenalan kepada Asas Penulisan • Penyediaan Pembangunan Modul Latihan • Pemasaran Seni • Pengarahan 	<ul style="list-style-type: none"> • Aprisiasi Seni • Prinsip Reka Bentuk Grafik • Pemikiran Kreatif dalam Suntingan Audio • Kemahiran Penyampian Berita Radio & TV • Kursus Penilaian & Pengurusan Program • Penasihat & Pakar Rujuk • Pemikiran Kreatif dalam Suntingan Audio • Kemahiran Penyampaian Berita Radio & TV • Ensemble Muzik • Kursus <i>Conducting</i> • Kursus Pedagogi Instrumental • Kemahiran Artistik (Konsep kesenian & Kebudayaan) • Pengurusan Efektif Organisasi Seni • Konsep Persembahan • Penerbitan Produksi • Penerbitan Seni • Pengarahan Kreatif • Pemasaran Seni • Inovasi dan Pengkomersialan Produk Seni • Pengurusan Warisan dan Budaya • Dasar Seni Budaya Kreatif • Perundangan Seni Budaya Kreatif • Pengurusan Risiko Seni Budaya • Pengenalan Pembangunan Kepimpinan Seni Budaya • Dokumentasi dan Arkib Seni Budaya 		<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan Perubahan • Pemasaran Seni • Pengurusan Efektif Organisasi Seni • Pembangunan Seni Budaya • Pembangunan Kepimpinan Seni Budaya • Kerjasama Strategik • Dasar dan Perundangan Seni Kreatif • Kepimpinan Beretika dan Pembuatan Keputusan • Pengurusan Konflik dan Komunikasi Berkesan • Pembangunan Bakat dan Potensi Staf • Pengurusan Risiko Industri Kreatif 	

- Pengenalan kepada Pengurusan Risiko Seni Budaya
- Pengenalan Dasar dan Perundangan Seni Budaya
- Pengurusan Kewangan (Aset & Inventori, Bajet, Pembayaran, Perolehan)

Catatan : Dua senarai contoh Kursus Kompetensi Fungsian di bawah boleh dibahagikan merangkumi kepada beberapa pecahan seperti berikut :

a) Pengenalan Kesenian Malaysia i) Dasar - dasar ii) Jenis – jenis Kesenian Malaysia iii) Tokoh – tokoh Seni iv) <i>Instrument</i> Kesenian	b) Pengurusan Acara (Seni) i) Protokol ii) Pengurusan Pentas iii) Publisiti iv) Pemasaran v) Tajaan vi) Dokumentasi	c) Asas Perancangan & Penyelarasan Kebudayaan i) Dalam Negara ii) Luar Negara	d) Asas Pengurusan Aset/ Inventori Kesenian i) Pembelian Peralatan/ Barang Muzik/ Kostum/ Aksesori/ Teknikal ii) Setor Peralatan iii) Penyelenggaraan iv) Pemulihan v) Pelupusan
---	---	---	---

Panduan Senarai Kursus/Latihan Fungsian Bagi Skim B (Bakat Dan Seni)

B1 – B4	B5 – B8		
Kursus Kompetensi Fungsian Wajib			
<p>Mana-mana kursus/ latihan fungsian merangkumi aspek Pentadbiran Sumber Manusia/ Pentadbiran Pejabat / Kewangan / Pengendalian Persembahan/ Keseniaan/ Kebudayaan/ Pengurusan Aset/ Perancangan Muzik.</p>			
Senarai Contoh Kursus Kompetensi Fungsian			
<ul style="list-style-type: none"> • Pengenalan Kesenian Malaysia • Apresiasi Seni • Asas Pengurusan Acara Seni Tahap I • Asas Pengetahuan Kreatif Muzik/Tari/ Teknikal/Lakon • Asas Pengetahuan Muzik Tradisional/Moden • Asas Notasi Muzik dan <i>Solfeggio</i> • Asas Penulisan Kandungan Kreatif • Asas Pengendalian Siaraya/Pengcahayaan • Pengetahuan Kreatif Muzik/ Tari/ Teknikal /Lakon, Tahap I • Penambahbaikan Kualiti Pengurusan Seni I • Pengurusan Acara Seni Tahap II • Pengurusan Acara Seni Tahap III • Pengetahuan Kreatif Muzik/Tari/Teknikal/Lakon, Tahap II • Penambahbaikan Kualiti Pengurusan Seni II 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengendalian Siaraya/Pengcahayaan Lanjutan • Penambahbaikan Kualiti Pengurusan Seni III • Pengetahuan Kreatif Muzik/Tari/Lakon/Teknikal, III • Pengetahuan Kreatif Muzik/Tari/Lakon/ Teknikal IV • Kaedah Penyelidikan, cara membantu membuat penyelidikan mengenai kebudayaan dan kesenian. • Pengurusan Acara Seni Lanjutan • Pengurusan Artis dan Penceramah • Pemasaran Seni • Komposisi dan Gubahan Muzik • Teknik Vokal Lanjutan • Pengendalian Instrumen Lanjutan • Notasi Muzik dan <i>Solfeggio</i> Lanjutan • Penulisan Kandungan Kreatif Lanjutan • Pengurusan Kewangan (Aset & Inventori, Bajet, Pembayaran, Perolehan) 		
<p>Catatan : Dua senarai contoh Kursus Kompetensi Fungsian di bawah boleh dibahagikan merangkumi kepada beberapa pecahan seperti berikut :</p>			
<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan Modul Latihan Dalam Kumpulan • Asas Bimbingan Dan Kaunseling • Etika kaunseling • Kemahiran Asas Kaunseling • Kursus Psychological First Aid • Kursus AI dan Pendigitalan Berkaitan dengan Perkhidmatan Kaunseling • Pengurusan sistem dan rekod berkaitan pengurusan kaunseling • Pengurusan Kewangan (Aset & Inventori, Bajet, Pembayaran, Perolehan) 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan Modul Latihan Dalam Kumpulan • Asas Pengujian Psikologi & Psikometrik • Asas Bimbingan Dan Kaunseling • Etika kaunseling • Kemahiran Asas Kaunseling • Kursus Psychological First Aid • Kursus AI dan Pendigitalan Berkaitan dengan Perkhidmatan Kaunseling • Pengurusan Kewangan (Aset & Inventori, Bajet, Pembayaran, Perolehan)

Panduan Senarai Kursus/Latihan Fungsian Bagi Skim S (Sosial)

S9	S10/11	S12	S13	S14
Kursus Kompetensi Fungsian Wajib				
<p>Mana-mana kursus/ latihan fungsian merangkumi aspek Pentadbiran Sumber Manusia / Pentadbiran Pejabat / Kewangan / Pengurusan Kualiti / aspek berkaitan kerja sosial, etika kerja sosial, kemahiran asas kerja sosial, Pemantapan Teori / Teknik Kerja Sosial, sistem dan rekod berkaitan pengurusan kerja sosial, Bengkel Asas Kerja Sosial, Train-The-Trainer (ToT), kursus asas teknik/terapi dalam kerja sosial, dan pengurusan dan pembangunan sendiri.</p>				
Senarai Contoh Kursus Kompetensi Fungsian				
<ul style="list-style-type: none"> • Kursus Asas Pengetahuan Kerja Sosial (4 Peringkat) • Kursus Pengenalan Akta;Dasar dan Perkhidmatan Sosial (Siri I) • Kursus Asas Penyediaan Laporan Penilaian Sosioekonomi Perkhidmatan Kerja Sosial • Kursus Etika Perkhidmatan Kerja Sosial • Kursus Pengurusan Bantuan Kebajikan Sosial • Kursus Akta;Dasar dan Perkhidmatan Sosial (Siri II) • Kursus Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial • Kursus Penyeliaan Kerja Sosial • Kursus Inovasi Sosial • Kursus Certified Neuro Linguistic Psychotherapy (NLPT) Practitioner untuk Pekerja Sosial • Kursus AI Dalam Perkhidmatan Kerja Sosial (Siri I) • Kursus Kemahiran Intervensi (Penceraian, Keganasan Rumahtangga dan Penderaan Kanak-kanak. • Intervensi Krisis dan Pengurusan Trauma • Pengurusan Kewangan (Aset & Inventori, Bajet, Pembayaran, Perolehan) 	<ul style="list-style-type: none"> • Kursus Akta;Dasar dan Perkhidmatan Sosial (Siri III) • Kursus Certified Neuro Linguistic Programming (NLP) Practitioner • Kursus Psychological First Aid (PFA) • Kursus Professionally Accountable Practice (PAP) Model • Kursus One Stop Crisis Center (OSCC) • Kursus Akta;Dasar dan Perkhidmatan Sosial (Siri IV) • Kursus TOT Kerja Sosial Bengkel Keusahawanan Sosial • Kursus Professional Boundaries • Kursus Strategi Penulisan Permohonan Geran Komuniti • Kursus Strategi Penulisan Geran Komuniti • Kursus AI Dalam Perkhidmatan Kerja Sosial (Siri II) • Kursus Pengurusan dan Dokumentasi (Perancangan Strategik dan Penilaian Program Sosial 	<ul style="list-style-type: none"> • Kursus Akta;Dasar dan Perkhidmatan Sosial (Siri V) • Bengkel Training Need Analysis (TNA) Kerja Sosial • Kursus Peningkatan Kualiti Perkhidmatan Sosial • Kursus Penyelidikan Kerja Sosial • Kursus Penjanaan Pendapatan Melalui Projek Komuniti • Kursus AI Dalam Perkhidmatan Kerja Sosial (Siri III) 		
<p>Nota: Sijil Profesional Asas Kerja Sosial (SPAKS)/ Diploma Pascasiswazah Kerja Sosial (DPSKS)/ mana-mana kursus persijilan lain yang setara.</p>				

Panduan Senarai Kursus/Latihan Fungsian Bagi Skim S (Sosial)

S5 – S8

Kursus Kompetensi Fungsian Wajib

Mana-mana kursus/ latihan fungsian merangkumi aspek Pentadbiran Sumber Manusia/ Pentadbiran Pejabat/ Kewangan/ Pengurusan Kualiti/ aspek berkaitan kerja sosial, etika kerja sosial, kemahiran asas kerja sosial, Pemantapan Teori / Teknik Kerja Sosial, sistem dan rekod berkaitan pengurusan kerja sosial, Bengkel Asas Kerja Sosial, Train-The-Trainer (ToT), kursus asas teknik/terapi dalam kerja sosial, dan pengurusan dan pembangunan sendiri.

Senarai Contoh Kursus Kompetensi Fungsian

S5	S8
<ul style="list-style-type: none"> • Kursus Asas Pengetahuan Kerja Sosial (4 Peringkat) • Kursus Pengenalan Akta;Dasar dan Perkhidmatan Sosial (Siri I) • Kursus Asas Penyediaan Laporan Penilaian Sosioekonomi Perkhidmatan Kerja Sosial • Kursus Etika Perkhidmatan Kerja Sosial • Kursus Pengurusan Bantuan Kebajikan Sosial • Kursus Profesional Diri Unggul (Siri I) • Kursus Akta;Dasar dan Perkhidmatan Sosial (Siri II) • Kursus Profesional Diri Unggul (Siri II) • Kursus Pengurusan Perkhidmatan Orang Kurang Upaya (OKU) • Kursus Asas Penyediaan Laporan Penilaian Sosioekonomi Perkhidmatan Kerja Sosial 	<ul style="list-style-type: none"> • Kursus Akta;Dasar dan Perkhidmatan Sosial (Siri III) • Kursus Profesional Diri Unggul (Siri III) • Kursus Basic Psychological First Aid (PFA) • Kursus Basic One Stop Crisis Center (OSCC) • Kursus Akta;Dasar dan Perkhidmatan Sosial (Siri IV) • Kursus Profesional Diri Unggul (Siri IV) • Kursus Asas Penyediaan Kertas Kerja Projek Komuniti • Kursus Asas Penulisan Laporan Projek Komuniti • Kursus Asas AI Dalam Perkhidmatan Kerja Sosial • Pengurusan Kewangan (Aset & Inventori, Bajet, Pembayaran, Perolehan)

Panduan Senarai Kursus/Latihan Fungsian Bagi Skim L (Perkhidmatan Perundangan)

L9	L10/11	L12	L13	L14
Kursus Kompetensi Fungsian Wajib				
<p>Mana-mana kursus/ latihan fungsian merangkumi aspek Pentadbiran Sumber Manusia/ Pentadbiran Pejabat / Kewangan / Pengurusan Kualiti / aspek berkaitan undang-undang, tatakelola, serta pengurusan kes universiti.</p>				
Senarai Contoh Kursus Kompetensi Fungsian				
1. Perundangan	1.1 Asas Pengetahuan dalam Penasihatatan	<p>Pengetahuan asas dalam hal ehwal:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penasihatatan perundangan, governan, polisi dan pentadbiran am, pembangunan pekerja, hal ehwal pelajar, hal ehwal kampus dan hal ehwal akademik, penyediaan apa-apa dokumen, surat, laporan kepada mana- mana pihak. Statut, Perundangan Subsidiari atau keputusan kehakiman yang relevan dan memerlukan pengubahsuaian berlandaskan amalan dan prosedur Universiti apa perintah, kaedah, peraturan, panduan atau pekeliling yang boleh diterima pakai melalui kelulusan LPU dan memerlukan pengubahsuaian. • Pengendalian statut, undang-undang subsidiari atau semakan penghakiman (<i>judicial review</i>) yang berkaitan, serta sebarang perintah, kaedah, peraturan, panduan atau pekeliling yang diterima pakai melalui kelulusan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dan memerlukan pengubahsuaian, hendaklah disesuaikan mengikut amalan dan prosedur semasa Universiti • Sumbangan idea dan penasihatatan dalam perbincangan, mesyuarat-mesyuarat, contohnya di peringkat Universiti, Kementerian dan agensi pusat, termasuklah sekiranya terdapat keperluan untuk mewakili Universiti; 		
	1.2 Asas Pengetahuan dalam Gubalan	<p>Pengetahuan asas dalam hal ehwal:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyedia, menderaf, menyemak dan menasihati terma-terma dan syarat-syarat Memorandum Persefahaman serta Perjanjian Universiti, termasuklah perundingan jika perlu; • hal ehwal undang-undang tanah, kontrak - kontrak penyewaan , tender, sebut harga, proses kewangan di bawah hartanah dan Kemahiran dalam penyelesaian pertikaian demi hak dan kepentingan Universiti; • perancangan termasuklah penyediaan, meminda dan menyemak statut, kaedah, perintah dan peraturan agar selaras dengan AUKU dan Perlembagaan Universiti; 		

	1.3 Asas Pengetahuan dalam Hal Ehwal Tatatertib	<p>Pengetahuan asas dalam hal ehwal:</p> <ul style="list-style-type: none"> • aspek tadbir urus yang terbaik dilaksanakan dengan penuh amanah dan berintegriti berkaitan governan, plagiat, rasuah, geran, endowmen, hadiah dari pihak luar dan lain- lain; • asas dalam undang- undang dan tatatertib bagi memastikan pemantauan dan teguran yang efektif dalam pematuhan terhadap undang- undang dan peraturan yang berkuatkuasa, dan penasihat kepada Universiti dalam Jawatankuasa Tatatertib Pelajar dan Staf dalam membuat pertimbangan dan keputusan. • Pegawai hendaklah menghadiri kursus- kursus yang berkaitan dengan pengetahuan penasihat seperti; <p>Akta Universiti dan Kolej Universiti, Perlembagaan Universiti, Kaedah dan Statut/ Undang-undang Kontrak/ Undang-Undang umum/ Undang-undang pentadbiran/ Undang-undang badan berkanun/ Undang- undang dan tatacara tindakan sivil dan jenayah/ Undang-undang tanah dan hartanah/ Undang- undang kewangan dan perbankan/ Asas dalam undang- undang syariah, tatacara mal dan jenayah syariah/ Tatacara dalam menderaf, meminda dan kelulusan undang-undang, peraturan, kaedah, perlembagaan, pekeliling dan surat pekeliling/ Perundangan antarabangsa, negara, tempatan serta universiti Awam/ Komunikasi Perundangan Efektif/ Teknik Advokasi dan Pembelaan/ Asas dalam pengurusan kes- kes pecah kontrak dan tindakan susulan/ Asas dalam undang-undang hak Cipta & harta Intelek/ Penyediaan deraf dan semakan Kontrak Universiti/ Perundangan Semasa (<i>Case Law & Amendments</i>)/ Mediasi & Arbitrasi/ Analisis kes mahkamah; dan lain-lain kursus yang relevan dengan keperluan tugas.</p>
2. Pentadbiran	2.1 Pentadbiran Akademik	<ul style="list-style-type: none"> • Kaedah dan Peraturan Akademik • Pengiktirafan dan Kelayakan
	2.2 Pentadbiran Sumber Manusia	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan Pelanggan (Pelantikan,Perkhidmatan,Prestasi) • Pembangunan Sumber Manusia (Latihan dan Cuti Belajar) • Kemajuan Kerjaya (Kenaikan Pangkat, Pelan Penggantian) • Govenan, Pekeliling dan Arahan Perkhidmatan (Perintah Am, PKPA, Arahan Keselamatan) • Pengurusan Hubungan dan Kebajikan Staf • Penasihatatan Tatatertib
	2.3 Pentadbiran Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni	Ilmu asas dalam hal ehwal pelajar, alumni termasuk kebajikan.

	2.4 Pentadbiran Penyelidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Asas ilmu dalam proses kerja geran Penyelidikan termasuklah penerbitan, hubungan industri dan jaringan penyelidikan • Asas dalam perundingan, pengkomersilan, inovasi & harta intelek
	2.5 Pentadbiran Kewangan	Asas ilmu dalam hal ehwal kewangan seperti arahan kerajaan, Kementerian Kewangan, peraturan dan proses kewangan serta pekeliling- pekeliling serta surat pekeliling yang berkuatkuasa.

Panduan Senarai Kursus/Latihan Fungsian Bagi Skim L (Perkhidmatan Perundangan)

L5 – L8

Kursus Kompetensi Fungsian Wajib

Mana-mana kursus/ Latihan fungsian merangkumi aspek Pentadbiran Sumber Manusia/ Pentadbiran Pejabat / Kewangan / Pengurusan Kualiti / aspek berkaitan undang-undang, tatakelola, serta pengurusan kes universiti.

Senarai Contoh Kursus Kompetensi Fungsian

1. Perundangan	1.2 Asas Pengetahuan dalam Penasihatatan	<p>Pengetahuan asas dalam hal ehwal:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penasihatatan perundangan, governan, polisi dan pentadbiran am, pembangunan pekerja, hal ehwal pelajar, hal ehwal kampus dan hal ehwal akademik, penyediaan apa-apa dokumen, surat, laporan kepada mana- mana pihak. Statut, Perundangan Subsidiari atau keputusan kehakiman yang relevan dan memerlukan pengubahsuaian berlandaskan amalan dan prosedur Universiti apa perintah, kaedah, peraturan, panduan atau pekeliling yang boleh diterima pakai melalui kelulusan LPU dan memerlukan pengubahsuaian. • Pengendalian statut, undang-undang subsidiari atau semakan penghakiman (<i>judicial review</i>) yang berkaitan, serta sebarang perintah, kaedah, peraturan, panduan atau pekeliling yang diterima pakai melalui kelulusan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dan memerlukan pengubahsuaian, hendaklah disesuaikan mengikut amalan dan prosedur semasa Universiti • Sumbangan idea dan penasihatatan dalam perbincangan, mesyuarat-mesyuarat, contohnya di peringkat Universiti, Kementerian dan agensi pusat, termasuklah sekiranya terdapat keperluan untuk mewakili Universiti;
	1.2 Asas Pengetahuan dalam Gubalan	<p>Pengetahuan asas dalam hal ehwal:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyedia, menderaf, menyemak dan menasihati terma-terma dan syarat-syarat Memorandum Persefahaman serta Perjanjian Universiti, termasuklah perundingan jika perlu; • hal ehwal undang-undang tanah, kontrak - kontrak penyewaan , tender, sebut harga, proses kewangan di bawah hartanah dan Kemahiran dalam penyelesaian pertikaian demi hak dan kepentingan Universiti; • perancangan termasuklah penyediaan, meminda dan menyemak statut, kaedah, perintah dan peraturan agar selaras dengan AUKU dan Perlembagaan Universiti;

	1.3 Asas Pengetahuan dalam Hal Ehwal Tatatertib	<p>Pengetahuan asas dalam hal ehwal:</p> <ul style="list-style-type: none"> • aspek tadbir urus yang terbaik dilaksanakan dengan penuh amanah dan berintegriti berkaitan governan, plagiat, rasuah, geran, endowmen, hadiah dari pihak luar dan lain- lain; • asas dalam undang- undang dan tatatertib bagi memastikan pemantauan dan teguran yang efektif dalam pematuhan terhadap undang- undang dan peraturan yang berkuatkuasa, dan penasihat kepada Universiti dalam Jawatankuasa Tatatertib Pelajar dan Staf dalam membuat pertimbangan dan keputusan. • Pegawai hendaklah menghadiri kursus- kursus yang berkaitan dengan pengetahuan penasihat seperti; <p>Akta Universiti dan Kolej Universiti, Perlembagaan Universiti, Kaedah dan Statut/ Undang-undang Kontrak/ Undang-Undang umum/ Undang-undang pentadbiran/ Undang-undang badan berkanun/ Undang- undang dan tatacara tindakan sivil dan jenayah/ Undang-undang tanah dan hartanah/ Undang- undang kewangan dan perbankan/ Asas dalam undang- undang syariah, tatacara mal dan jenayah syariah/ Tatacara dalam menderaf, meminda dan kelulusan undang-undang, peraturan, kaedah, perlembagaan, pekeliling dan surat pekeliling/ Perundangan antarabangsa, negara, tempatan serta universiti Awam/ Komunikasi Perundangan Efektif/ Teknik Advokasi dan Pembelaan/ Asas dalam pengurusan kes- kes pecah kontrak dan tindakan susulan/ Asas dalam undang-undang hak Cipta & harta Intelek/ Penyediaan deraf dan semakan Kontrak Universiti/ Perundangan Semasa (<i>Case Law & Amendments</i>)/ Mediasi & Arbitrasi/ Analisis kes mahkamah; dan lain-lain kursus yang relevan dengan keperluan tugas.</p>
2. Pentadbiran	2.1 Pentadbiran Akademik	<ul style="list-style-type: none"> • Kaedah dan Peraturan Akademik • Pengiktirafan dan Kelayakan
	2.2 Pentadbiran Sumber Manusia	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan Pelanggan (Pelantikan,Perkhidmatan,Prestasi) • Pembangunan Sumber Manusia (Latihan dan Cuti Belajar) • Kemajuan Kerjaya (Kenaikan Pangkat, Pelan Penggantian) • Govenan, Pekeliling dan Arahan Perkhidmatan (Perintah Am, PKPA, Arahan Keselamatan) • Pengurusan Hubungan dan Kebajikan Staf • Penasihatatan Tatatertib
	2.3 Pentadbiran Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni	Ilmu asas dalam hal ehwal pelajar, alumni termasuk kebajikan.

	2.4 Pentadbiran Penyelidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Asas ilmu dalam proses kerja geran Penyelidikan termasuklah penerbitan, hubungan industri dan jaringan penyelidikan • Asas dalam perundingan, pengkomersilan, inovasi & harta intelek
	2.5 Pentadbiran Kewangan	Asas ilmu dalam hal ehwal kewangan seperti arahan kerajaan, Kementerian Kewangan, peraturan dan proses kewangan serta pekeliling- pekeliling serta surat pekeliling yang berkuatkuasa.

**Panduan Senarai Kursus/Latihan Fungsian Bagi Staf Akademik
(Skim DS, DU, DG, dan DH)**

Kursus Kompetensi Fungsian Wajib
Kursus Asas Pengajaran (BTC)
Kursus kepada pensyarah baharu dalam bidang pengajaran dan pembelajaran (Teaching and Learning), penyelidikan (Research), penerbitan (Publication), khidmat professional dan perundingan (Consultation) dan penglibatan dalam komuniti (Community Engagement).
Latihan Profesional Berterusan (CPD)
Peningkatan berterusan dalam pengajaran dan pembelajaran (Teaching and Learning), penyelidikan (Research), penerbitan (Publication), khidmat professional, perundingan (Consultation) dan penglibatan dalam komuniti (Community Engagement) dan kepimpinan kepada semua pensyarah.
Latihan Pakar / Spesifik Bidang (Latihan Luar Kampus)
Latihan yang memfokuskan kepada kemahiran, pengetahuan atau kepakaran dalam satu bidang akademik atau profesional tertentu, selaras dengan kepakaran pensyarah tersebut atau keperluan Fakulti atau Universiti.

Senarai Contoh Kursus Kompetensi Fungsian Bagi Staf Akademik Mengikut Kategori

Mana-mana kursus/ latihan fungsian merangkumi aspek Kursus Asas Pengajaran (Basic Training Course), Latihan Profesional Berterusan (CPD), dan Latihan Pakar / Spesifik Bidang (Latihan Luar Kampus).

Pengajaran dan Pembelajaran serta Penyeliaan Pelajar <i>Teaching and Learning/ Student Supervision</i>	Penyelidikan <i>Research</i>	Penerbitan Ilmiah <i>Publication</i>	Khidmat Profesional & Perundingan <i>Consultation</i>	Penglibatan Komuniti <i>Community Engagement</i>
<ul style="list-style-type: none"> • Asas Pedagogi • Falsafah Pendidikan Kebangsaan • Profesionalisme & Etika Pensyarah • Peranan dalam pembelajaran pada abad ini • Strategi PdP Berkesan • Taksonomi Bloom (Kognitif, Afektif, Psikomotor) • Penyediaan CLO, PLO dan pengajaran berpandukan hasil • Pemetaan CLO kepada aktiviti & penilaian (constructive alignment) • Reka bentuk soalan <i>CLO-based</i> • Pembelajaran aktif (active learning) • Kaedah: Kuliah, PBL, Kolaboratif, Pembelajaran teradun • Reka bentuk Pelan Pengajaran berkesan • Alat interaktif (Padlet, Kahoot, Canva) 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengenalan kepada Geran Penyelidikan / SoTL • Pendekatan Penyelidikan dalam Pendidikan • Etika Penyelidikan Akademik • Penulisan Kertas Cadangan Geran Penyelidikan • Pengenalan kepada Reka Bentuk Kajian (Quantitative, Qualitative & Mixed Methods dan yang setara) • Penggunaan Perisian Analisis Data (SPSS, NVivo, ATLAS.ti, JASP dan yang setara) • Pembangunan Instrumen Penyelidikan (Soal selidik, temubual, pemerhatian dan yang setara) • Kaedah Pengumpulan & Analisis Data • Penulisan Laporan Penyelidikan 	<ul style="list-style-type: none"> • Teknik penulisan artikel akademik • Komponen e-Portfolio pengajaran • Penulisan refleksi kritikal • Bukti pencapaian & pembangunan diri • Menulis Pernyataan Falsafah Pengajaran • Struktur Teaching Portfolio • Kaedah refleksi terkini. • Persediaan untuk penilaian staf akademik • Analisis keputusan & penambahbaikan • Refleksi & Portfolio Pengajaran 	<ul style="list-style-type: none"> • Peranan & Tanggungjawab Pemimpin Akademik • Kepimpinan Strategik • Tadbir Urus Akademik • Pengurusan Konflik & Komunikasi Berkesan • Coaching & Mentoring Akademik • Inovasi & Perubahan dalam Pendidikan Tinggi • Etika & Integriti dalam Kepimpinan 	<ul style="list-style-type: none"> • Inovasi & Perubahan dalam Pendidikan Tinggi • Pengenalan kepada Penglibatan Komuniti dalam Pendidikan Tinggi • Merancang Projek Penglibatan Komuniti Berimpak Tinggi • Pemindahan Ilmu (Knowledge Transfer Programme – KTP) • Strategi Kolaborasi Universiti-Komuniti-Agensi • Komunikasi Berkesan dengan Komuniti • Pendekatan Inklusif & Peka Budaya dalam Aktiviti Komuniti • Pembangunan Modul Latihan untuk Komuniti • Mentor Belia/ Masyarakat melalui Pendidikan Informal • Reka Bentuk Program Tanggungjawab Sosial Akademik (AR – Academic Responsibility) • Pemetaan Stakeholder dan Keperluan Komuniti

<ul style="list-style-type: none"> • Pengenalan AI: ChatGPT, Bing Copilot, dll. untuk PdP • Penggunaan AI: ChatGPT, Bing Copilot, dll. untuk PdP • Teknologi & AI dalam PdP • Etika penggunaan teknologi • Penilaian & Pentaksiran Pelajar • Penilaian formatif vs sumatif • Pembinaan rubrik pemarkahan • Ciri pensyarah berkesan • Pendekatan OBE & student-centered • Reka bentuk kurikulum berimpak tinggi • Pengenalan Penggunaan & Penggunaan LMS • Alat digital untuk penilaian & refleksi • Reka bentuk tugas autentik • Pembangunan rubrik penilaian • Komunikasi berkesan dengan pelajar • Pengurusan kelas • Penyeliaan pelajar program siswazah secara kerja kursus. • Penyeliaan umum pelajar prasiswazah. • Penyertaan dalam pertandingan PdP 	<ul style="list-style-type: none"> • Penyediaan Poster & Pembentangan Penyelidikan • Peserta Persidangan Penyelidikan • Pengurusan Data Penyelidikan & Pemfailan Bukti (audit penyelidikan) • Pengenalan kepada Indeks Penyelidikan (Scopus, WoS, MyRA) • Strategi Penerbitan Hasil Penyelidikan dalam Jurnal Berimpak Tinggi • Penggunaan AI dalam Penyelidikan: Idea, Kajian Literatur, Penulisan Awal • Kerjasama Penyelidikan Merentas Disiplin, institusi & Jaringan Industri • Pemantauan dan Pelaporan Kemajuan Projek Penyelidikan • Pengurusan Risiko dalam Penyelidikan • Penyeliaan pelajar program siswazah secara penyelidikan. 			<ul style="list-style-type: none"> • Reka Bentuk Aktiviti TVET/Keusahawanan untuk Komuniti • Pengurusan Projek & Logistik Penglibatan Komuniti • Penilaian & Pengukuran Impak Sosial Aktiviti Komuniti (SROI) • Pendokumentasian & Pelaporan Aktiviti Komuniti (untuk e-LPPT / MyPortfolio) • Strategi Pembinaan Rangkaian Industri & NGO • Geran Penglibatan Komuniti (contoh: geran KTP, CSR, etc.) • Penggunaan Media & ICT untuk Penyebaran Impak Komuniti • Integrasi Pengajaran dan Penyelidikan dalam Aktiviti Komuniti (Service Learning)
--	--	--	--	---



**Pusat Kepimpinan UNIMAS, Aras 3, Bangunan Canselori,
Jalan Datuk Mohd Musa,
94300, Kota Samarahan
Sarawak.**

PELAKSANAAN SISTEM PENGUMPULAN MATA CPD



UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

**EDISI 3
PINDAAN TAHUN 2025**

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	PENGENALAN	1
2.	TAKRIFAN	2
3.	JUSTIFIKASI PELAKSANAAN	2
4.	OBJEKTIF PELAKSANAAN	3
5.	PENGLIBATAN STAF DAN PENGECUALIAN	3
6.	STRUKTUR PELAKSAAN MATA CPD	4
7.	PENETAPAN MATA CPD DAN PENDEKATAN	5
8.	LIMPAHAN MATA CPD	6
9.	PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB	6
10.	APLIKASI SISTEM CPD	6 – 12

PELAKSANAAN SISTEM PENGUMPULAN MATA CPD

1. PENGENALAN

- 1.1. Aspirasi Lonjakan 2-Kecemerlangan Bakat di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015–2025 (Pendidikan Tinggi) telah menggariskan keperluan program pembangunan professional berterusan (CPD) untuk menjadikan ekosistem institusi berlandaskan meritokratik, dan melaksanakan pendekatan fleksibel untuk menyediakan laluan kerjaya yang menarik dan persekitaran kerja yang kondusif dan bersifat menyokong. Modal insan berkualiti dan cemerlang akan menjamin kelestarian kecemerlangan universiti.
- 1.2. Dasar Pembangunan Bakat Perkhidmatan Awam Versi 1.0 (2024) telah diperkenalkan sebagai inisiatif penting bagi memastikan kecemerlangan berterusan perkhidmatan awam. Pembangunan bakat dilihat sebagai tonggak utama dalam meningkatkan prestasi, memperkukuh kecekapan serta menjamin kesinambungan kepemimpinan. Melalui kerangka pembangunan bakat yang menyeluruh dan berasaskan prestasi, kompetensi pegawai dapat diperkasa mengikut keperluan jawatan yang disandang. Pada masa yang sama, pegawai berpotensi dapat dikenal pasti dan dibangunkan agar mampu memperluas pengetahuan serta meningkatkan kemahiran. Usaha ini bukan sahaja mengukuhkan daya saing organisasi, malah memastikan perkhidmatan awam sentiasa bersedia mendepani cabaran masa hadapan serta memenuhi ekspektasi pemegang taruh yang semakin dinamik.
- 1.3. Pembangunan Professionalisme Berterusan atau CPD adalah inisiatif yang berfokuskan kepada peningkatan kualiti dan bakat staf dan memperkasa profesion, melalui program-program yang disediakan untuk membangun, mengembang, memantapan pembangunan profesionalisme yang sedia ada serta mentransformasi amalan profesionalisme staf untuk terus berdaya saing.

2. TAKRIFAN

- 2.1. Takrifan-takrifan yang terkandung di dalam Polisi Latihan dan Pembangunan Bakat UNIMAS adalah digunapakai dan dirujuk.
- 2.2. “Mata CPD” adalah merujuk kepada anugerah merit di dalam bentuk kredit atau *points* yang diluluskan oleh universiti melalui Jawatankuasa Latihan UNIMAS.
- 2.3. “Sistem Pengumpulan Mata CPD” merujuk kepada kaedah yang dibangunkan oleh universiti yang menyokong Pembangunan Professionalisme Berterusan atau CPD untuk staf UNIMAS.
- 2.4. “Aplikasi Sistem CPD” merujuk kepada aplikasi sistem maklumat yang dibangunkan oleh universiti untuk menyokong pelaksanaan sistem pengumpulan mata CPD di UNIMAS.

3. JUSTIFIKASI PELAKSANAAN

- 3.1. Penambahbaikan polisi latihan yang sedia ada perlu dilaksanakan untuk memastikan perancangan, pelaksanaan dan penganjuran program dan aktiviti berkaitan latihan adalah berfokus kepada pembangunan bakat, kompetensi kepimpinan dan profesionalisme, dan mengambilkira perancangan strategik universiti;
- 3.2. Pelaksanaan Sistem Pengumpulan Mata CPD lebih berfokus kepada keberkesanan latihan untuk staf ke arah meningkatkan kompetensi dalam pekerjaan dan menyumbang kepada perancangan kerjaya yang lebih sistematik.
- 3.3. Pelaksanaan Sistem Pengumpulan Mata CPD berbanding dengan amalan semasa iaitu mengikuti latihan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari setahun adalah lebih kos efektif di dalam situasi universiti yang mendepani pelbagai cabaran termasuk pengurangan dana biayaan dari kerajaan; dan
- 3.4. Pelaksanaan Sistem Pengumpulan Mata CPD adalah strategik untuk jangka masa panjang, dan menyediakan ruang dan potensi untuk kursus latihan professional secara atas talian diperkembangkan, membantu universiti mengembangkan aktiviti program dan latihan secara atas talian dan penggunaan kaedah Pembelajaran Teradun (*Blended Learning*).

4. OBJEKTIF PELAKSANAAN

- 4.1. Meningkatkan kualiti sumber manusia UNIMAS melalui peningkatan aktiviti Pembangunan Profesional Berterusan yang dilaksanakan secara sendiri dan keberkesanan penawaran kursus latihan dan pembangunan bakat yang berkualiti, berfokus kepada kompetensi dan berstruktur untuk laluan kerjaya staf tanpa had hari;
- 4.2. Memastikan staf memperoleh (*acquire*), menambah baik (*improve*), menguasai (*master*) dan berkongsi (*share*) kompetensi untuk keberkesanan, keberhasilan serta kecemerlangan kerjaya melalui strategi pelaksanaan penganugerahan mata CPD untuk pelbagai jenis aktiviti dan program latihan dan pembangunan bakat;
- 4.3. Menjadi pemangkin untuk menggalakkan staf UNIMAS mengikuti program latihan dan pembangunan bakat yang terancang dan sistematik yang merangkumi sesi latihan, pembelajaran, pembangunan sendiri dan kepimpinan; dan
- 4.4. Mewujudkan ekosistem pembangunan bakat di UNIMAS melalui pengwujudan program latihan dan pembangunan bakat yang berstruktur dan berfokuskan kepada kompetensi.

5. PENGLIBATAN STAF DAN PENGEQUALIAN

- 5.1. Skop pelaksanaan adalah melibatkan staf tetap dan kontrak.
- 5.2 Staf yang dikecualikan adalah seperti berikut:
 - (i) Staf Sementara (lantikan secara bulanan)
 - (ii) Staf Cuti Belajar atau Menjalani Kursus Jangka panjang melebihi 6 bulan.

6. STRUKTUR PELAKSANAAN MATA CPD

- 6.1 Secara amnya, jumlah terkumpul yang perlu dicapai oleh staf adalah 42 mata setahun.
- 6.2 Untuk kumpulan Pengurusan & Profesional Akademik dan Pentadbiran serta kumpulan Pelaksana, yang memenuhi kriteria, staf adalah bertanggungjawab untuk memastikan prestasi pencapaian CPD mencapai 42 mata setahun.
- 6.3 Staf universiti adalah diwajibkan untuk mematuhi Pecahan Pengumpulan Mata CPD Umum berdasarkan Kompetensi Fungsian, Generik, dan Digital & ICT/ Agenda Kelestarian. Maklumat lanjut pecahan mata CPD adalah seperti butiran berikut:

Pecahan Pengumpulan Mata CPD Umum berdasarkan Kompetensi Fungsian, Generik, dan Digital & ICT/ Agenda Kelestarian.

	42 Mata CPD Setahun	
	Fungsian & Generik	Digital / ICT/ Agenda Kelestarian
Staf Universiti	Minimum 36 mata	Minimum 6 mata

- 6.4 Perincian struktur pelaksanaan mata CPD telah disediakan oleh Pusat Kepimpinan UNIMAS.

7. PENETAPAN MATA CPD DAN PENDEKATAN

- 7.1. Staf yang berkhidmat kurang dari 12 bulan, keperluan mata CPD berdasarkan baki jumlah bulan yang tinggal pada tahun semasa.

Cara pengiraan:

$$\frac{\text{Bilangan Bulan Berkhidmat} \times 42}{\text{Mata 12 Bulan}}$$

- 7.2. Pusat Kepimpinan UNIMAS bertanggungjawab sebagai Urus Setia untuk membuat penyelarasan, koordinasi dan pengurusan berkaitan sistem pengumpulan mata CPD UNIMAS.
- (i) Kelulusan untuk usul perubahan Penetapan Mata CPD UNIMAS dari masa ke semasa adalah di bawah kelulusan Jawatankuasa Latihan UNIMAS.
 - (ii) Tatacara dan prosedur permohonan untuk tuntutan mata CPD di sediakan oleh Pusat Kepimpinan UNIMAS.
 - (iii) Dalam tahun semasa, semua Staf Akademik diwajibkan mengikuti sekurang-kurangnya;
 - satu (1) latihan akademik;
 - satu (1) latihan pembangunan kurikulum; dan
 - satu (1) latihan penyelidikan.
- 7.3. Aplikasi Sistem CPD yang dibangunkan oleh universiti akan memberi akses terus kepada staf untuk melihat status terkini untuk jumlah mata CPD yang terkumpul, beserta maklumat latihan dan program pembangunan bakat yang di sertai.
- 7.4. Tempoh staf universiti melengkapkan borang keberkesanan program melalui sistem adalah 1 bulan sahaja dari tarikh selesai latihan/ kursus/ program dijalankan. Kegagalan berbuat demikian dalam tempoh tersebut akan menyebabkan tuntutan mata CPD luput. Namun demikian, staf universiti boleh membuat permohonan rayuan berdasarkan justifikasi (kes khas) bagi kebenaran tuntutan mata CPD dalam tempoh masa rayuan yang diberikan oleh urusetia kelak.
- 7.5. Pengumpulan mata CPD maksima (42) dapat dicapai sekiranya staf universiti memenuhi penglibatan pada Kategori A: Program/ Latihan. Sekiranya staf universiti tidak mencapai jumlah maksima mata CPD pada **Kategori A: Program/ Latihan**, staf universiti boleh menambah mata CPD melalui **Kategori B: Pembelajaran Sepanjang Hayat**, **Kategori C: Pembelajaran Kendiri** atau **Kategori D: Khidmat Kepakaran/ Bakat**.

8. LIMPAHAN MATA CPD

- 8.1. Pengumpulan mata CPD yang melebihi mata minimum iaitu 42 mata adalah tidak dibenarkan untuk dibawa ke tahun seterusnya.

9. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

- 9.1. Jawatankuasa Latihan UNIMAS mempunyai bidang kuasa seperti berikut:
- (i) Melaksanakan semakan ke atas Polisi Latihan dan Pembangunan Bakat UNIMAS sejajar dengan keperluan dan kehendak semasa mengikut arahan universiti;
 - (ii) Menetapkan program latihan dan pembangunan bakat yang bersesuaian untuk meningkatkan kompetensi staf; dan
 - (iii) Menentukan agihan peruntukan untuk latihan dan program pembangunan bakat.
- 9.2. Jawatankuasa Latihan UNIMAS dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan di bawah keurusetiaan Pusat Kepimpinan UNIMAS.
- 9.3. Pusat Kepimpinan UNIMAS bertanggungjawab sebagai Urus Setia untuk membuat penyelarasan, koordinasi dan pengurusan berkaitan sistem pengumpulan mata CPD UNIMAS.

10. APLIKASI SISTEM CPD

- 10.1 Universiti bertanggungjawab untuk menyediakan aplikasi sistem maklumat untuk keperluan pelaksanaan Sistem Pengumpulan Mata CPD untuk kegunaan PTj dan staf.
- 10.2 Rujuk dokumen lampiran yang disediakan oleh Pusat Kepimpinan UNIMAS berkaitan aplikasi sistem CPD yang dibangunkan oleh universiti.

JADUAL 1: PECAHAN MATA CPD UNTUK STAF KUMPULAN AKADEMIK, PENGURUSAN & PROFESIONAL, DAN PELAKSANA UNIMAS

KUMPULAN	KATEGORI	AKTIVITI		MENGIKUT BILANGAN JAM AKTIVITI DI LAKSANAKAN MATA CPD	
Kumpulan Akademik, Pengurusan & Profesional, dan Pelaksana UNIMAS.	(A) Program/ Latihan	(A1)	Kursus, Seminar, Konvensyen, Bengkel, Forum	<ul style="list-style-type: none"> • Nilai maksimum mata CPD bagi kategori ini ialah 42 mata/setahun. • Bagi Program/latihan yang sama yang diadakan melebihi 4 hari, tuntutan maksimum mata CPD adalah 24 mata sahaja. • Kiraan penganugerahan mata CPD berdasarkan kelulusan Pusat Kepimpinan UNIMAS (ULC) <ul style="list-style-type: none"> - Program/latihan berbentuk fungsian/ generik/ digital/ ICT/ agenda kelestarian adalah 1 jam bersamaan 1 mata CPD. 	
		(A2)	Wacana Ilmu, Perkongsian Ilmu, Taklimat		
		(A3)	Lawatan Penanda aras		
		(A4)	Program Sangkutan Industri/ Latihan Iktisas/ Sabatikal/ Mobiliti Bakat		
	(B) Pembelajaran Sepanjang Hayat	(B1)	Peningkatan Akademik (Sijil/ Diploma Profesional dan setara; Ijazah Sarjana Muda; Ijazah Sarjana; PhD)	<ul style="list-style-type: none"> • Nilai maksimum mata CPD bagi kategori ini ialah 10 mata/setahun. • <i>Professional Development Point</i> (Diiktiraf Badan Profesional <i>cut off</i> 10 mata CPD setahun) untuk staf Pentadbiran dan Akademik. 	
		(B2)	ePembelajaran (eLearning)/ EPSA		
		(B3)	<i>Professional Development Point</i> (Diiktiraf Badan Profesional)		
		(B4)	Kursus/Latihan/Program Skim Perkhidmatan yang kurang dari 3 bulan		
	(C) Pembelajaran Kendiri	(C1)	Bimbingan dan Pementoran berkaitan tugas hakiki.	<ul style="list-style-type: none"> • Nilai maksimum mata CPD bagi kategori ini ialah 6 mata/setahun. 	
		(C2)	Program/Aktiviti /Kursus atas inisiatif sendiri bagi pengembangan dan pembangunan tugas hakiki.		
	(D) Khidmat Kepakaran/ bakat	(D1)	Sumbangan lain berbentuk professional dan bukan professional dalam menyediakan perkhidmatan latihan.	<ul style="list-style-type: none"> • Nilai maksimum mata CPD bagi kategori ini ialah 10 mata/setahun. 	
	Jumlah Sasaran Keseluruhan Mata CPD Setahun				42 mata

JADUAL 2: FORMAT PENGGREDAN CPD PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL BERTERUSAN

Kategori	Deskripsi aktiviti	Mata	Keterangan Aktiviti	Contoh
(A) Program/Latihan	<p>(A1) Kursus, Seminar, Konvensyen, Bengkel, Forum</p> <p style="text-align: center;">Atau</p> <p>(A2) Wacana Ilmu, Perkongsian Ilmu, Taklimat.</p> <p style="text-align: center;">Atau</p> <p>(A3) Lawatan Penanda Aras</p>	<p>1 jam = 1 mata Program/Latihan berbentuk fungsian/generik/ digital/ ICT/ agenda kelestarian.</p>	<p>a.Tempoh 6 jam dikira 1 hari berkursus.</p> <p>b.Kursus yang berlarutan hingga malam dikira 6 jam sehari.</p> <p>c.Anjuran PTj dalaman atau agensi luar universiti diambil kira.</p> <p>d.Kursus yang diterima untuk aktiviti CPD perlu berkaitan dengan keperluan jawatan atau tugas sahaja yang merangkumi <i>Attitude, Skils & Knowledge (ASK)</i>.</p> <p>e.Tarikh akhir tuntutan mata CPD adalah 1 bulan dari tarikh selesai bengkel/latihan/program. Kegagalan tuntutan mata CPD dalam tempoh tersebut akan menyebabkan mata CPD luput.</p> <p>f. Diambil kira pada tahun semasa sahaja.</p>	<p>Umum - Sikap (<i>Attitude</i>)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1.Etika Perkhidmatan Awam. 2.Budaya Kerja Berpasukan. 3.Program Jati Diri. <p>- Kemahiran (<i>Skills</i>)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kemahiran Kaunseling. 2. Kursus Keselamatan & Pencegahan Kebakaran. 3.Kursus-kursus <i>Microsoft Office</i>. <p>Khusus -Pengetahuan (<i>Knowledge</i>)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1.Kursus Asas Pengajaran & Pembelajaran (staf Akademik). 2.Pengurusan Fail & Rekod (N) Pengurusan Aset & Inventori (W). 4.Pengurusan Asas Rangkaian Komputer (F) 5.Kemahiran Penyediaan Uji kaji Makmal (J). 6.Pemanduan Berhemah (R). 7.Pengurusan Asrama (N). 8.Kursus Asas Audit (W).

Kategori	Deskripsi aktiviti	Mata	Keterangan Aktiviti	Contoh
(A) Program/ Latihan	(A4) Program Sangkutan Industri/ Latihan Iktisas / Sabatikal/ Mobiliti Bakat.	<p>Sepenuh Masa: 1 bulan: 4 mata</p> <p>Atau</p> <p>Secara Sambilan: 1 bulan: 2 mata</p>	<p>a. Diambil kira pada tahun semasa sahaja.</p> <p>b. Mesti berkaitan dengan bidang tugas/ pengkhususan.</p> <p>c. Tempat pengajian yang diiktiraf sama ada dalam atau luar negara.</p> <p>d. Pengajian yang diikuti perlu mendapat kelulusan Universiti.</p> <p>e. Tarikh akhir tuntutan mata CPD adalah 6 bulan dari tarikh akhir sijil dikemukakan ke Universiti atau tarikh lapor diri dan penghantaran <i>progress report</i>. Tertakluk mana-mana yang terkemudian.</p>	<p>Kursus Jangka Pendek / Panjang (Tempoh minimum 3 (tiga) bulan hingga 12 (dua belas) bulan dan ke atas).</p> <p>Contoh: -</p> <p>a. Skim Sangkutan Industri</p> <p>b. Latihan ikhtisas</p> <p>c. Sijil (kemahiran + kurang dari 1 tahun + jam kredit + ada penilaian +diiktiraf(ILP/ Politeknik/ Kolej)</p>

Kategori	Deskripsi aktiviti	Mata	Keterangan Aktiviti	Contoh
(B) Pembelajaran Sepanjang Hayat	(B1) Peningkatan Akademik (Sijil Lanjutan/ Profesional; Diploma lanjutan dan setara; Ijazah Sarjana Muda; Ijazah Sarjana; PhD Atau (B4) Kursus/ Latihan/ Program Skim Perkhidmatan yang kurang dari 3 bulan.	Sepenuh Masa: 1 bulan: 4 mata Atau Secara Sambilan: 1 bulan: 2 mata	a. Diambil kira pada tahun semasa sahaja. b. Tempat pengajian yang diiktiraf sama ada dalam atau luar negara. c. Pengajian yang diikuti perlu mendapat kelulusan Universiti. d. Tuntutan Mata CPD hanya terpakai mengikut tempoh pengajian sepertimana dinyatakan dalam surat tawaran pengajian rasmi. e. Tarikh akhir tuntutan mata CPD adalah 6 bulan dari tarikh akhir sijil <i>/progress report</i> dikemukakan ke Universiti atau tarikh lapor diri. Tertakluk mana-mana yang terkemudian.	Kursus Jangka Panjang (Pengajian Lanjutan – 12 bulan) Contoh: - a. Cuti Belajar b. Doktor Falsafah c. Sarjana d. Sarjana Muda e. Diploma f. Sijil (kemahiran + melebihi 1 tahun + jam kredit + ada penilaian +diiktiraf(ILP/ Politeknik/ Kolej)
	(B2) ePembelajaran (eLearning) / EPSA Atau Lain-lain	1 jam = 1 mata	a. Diambil kira pada tahun semasa sahaja. b. Mesti berkaitan dengan bidang tugas/ pengkhususan. c. Tarikh akhir tuntutan mata CPD adalah 6 bulan dari tarikh akhir sijil dikemukakan ke ULC.	Kursus secara online melalui: https://www.epsa.gov.my/ E pembelajaran sektor awam
	(B3) <i>Profesional Development Point</i> (Diiktiraf Badan Profesional)	1 jam= 1 mata	a. Diambil kira pada tahun semasa sahaja. b. Mesti berkaitan dengan bidang tugas/ pengkhususan. c. Melibatkan Skim J-Jurutera, U-Perubatan dan mana-mana bidang lain yang berkaitan.	

Kategori	Deskripsi aktiviti	Mata	Keterangan Aktiviti	Contoh
<p>(C) Pembelajaran Kendiri</p>	<p>(C1) Bimbingan dan Pementoran berkaitan tugas hakiki.</p> <p style="text-align: center;">Atau</p> <p>(C2) Program/ Aktiviti atas inisiatif sendiri bagi pengembangan dan pembangunan tugas hakiki.</p>	<p>1 jam =1 mata</p>	<p>a. Mentor yang dirujuk adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pengurusan Tertinggi (Naib Canselor / Timbalan Naib Canselor / Pendaftar / Bendahari / Ketua Pustakawan) ii. Pegawai Kanan (Dekan/Pengarah PTj); dan iii. Ketua-ketua Pejabat dan iv. Staf yang dilantik oleh Ketua PTj sebagai Mentor. <p>b. Tajuk dan ringkasan perbincangan mestilah dicatat dalam Borang Permohonan Mata CPD dan disahkan oleh Mentor.</p> <p>c. Program/Aktiviti/Kursus yang diikuti oleh pegawai dengan daya usaha sendiri bagi tujuan pengembangan dan pembangunan tugas hakiki. Pembelajaran melibatkan secara bersemuka dan dalam talian.</p> <p>d. Tidak termasuk mesyuarat.</p>	<p>Perkongsian Idea bersama Mentor (Mentor adalah seorang yang mempunyai pengetahuan & pengalaman yang luas dalam sesuatu bidang, bijak membimbing, memberi nasihat dan menjadi <i>role –model</i>.</p> <p>Mentee adalah individu yang dipandu & dipimpin)</p> <p style="text-align: center;">Sesi Bersama Kaunselor (Perjumpaan rasmi dengan Kaunselor untuk mendapat khidmat nasihat)</p>

Kategori	Deskripsi aktiviti	Mata	Keterangan Aktiviti	Contoh
(D) Khidmat Kepakaran/bakat	(D1) Sumbangan lain berbentuk professional dan bukan professional dalam menyampaikan perkhidmatan latihan dan melibatkan pemindahan ilmu (transfer of knowledge).	1 jam =1 mata	<p>a. Perlu ada surat lantikan.</p> <p>b. Auditor tidak merujuk kepada jawatan hakiki staf.</p> <p>c. Bagi pelantikan kepakaran di peringkat PTJ, mata CPD diberi kepada staf dari PTJ yang berlainan.</p> <p>d. Mata CPD diberi SEKALI sahaja kepada penceramah bagi tajuk / kandungan ceramah yang sama. Minimum masa penceramah adalah 1 jam.</p> <p>e. Mata CPD diberi berdasarkan pelantikan untuk program yang berlainan.</p>	<p>Khidmat Kepakaran</p> <p>a. Pelantikan kepakaran</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Hakim/Juri/Panel (pertandingan/ pembentangan) ii. Mentor/Perunding (berkaitan dengan mentee) iii. Auditor(berkaitan dengan pengauditan) iv. Jurulatih/Fasilitator (sukan /program/ <i>team building</i>) v. Penyunting/Pembaca Pruf/Penterjemah (buku/ majalah/ artikel) vi. Pembentang Keynote /Plenari / Speaker vii. Penceramah viii. Keurusetiaan / Sekretariat perkhidmatan latihan.



**Pusat Kepimpinan UNIMAS, Aras 3, Bangunan Canselori,
Jalan Datuk Mohd Musa,
94300, Kota Samarahan
Sarawak.**